- v. Syarikat atau majikan perlu memastikan setiap unit rumah yang dijadikan penginapan pekerja adalah dihuni oleh pekerja daripada syarikat / majikan yang sama sahaja. (Tidak boleh bercampur dengan syarikat / majikan yang lain);
- vi. Syarikat atau majikan perlu memastikan setiap unit rumah yang dijadikan penginapan pekerja adalah dihuni oleh pekerja mengikut jantina yang sama;
- vii. Syarikat atau majikan perlu memantau dan memastikan unit dijadikan penginapan pekerja dalam keadaan terkawal dan tiada aduan kacau ganggu yang dilaporkan;
- viii. Syarikat atau majikan perlu mendapatkan kebenaran surat sokongan secara bertulis daripada YB ADUN Kawasan dan PBT berhak untuk menolak permohonan sekiranya terdapat bantahan atau aduan;
- ix. Penginapan pekerja untuk tempoh sementara dibenarkan di bangunan kediaman bertanah sedia ada yang telah mempunyai OC / CCC. (PBT perlu menyemak OC / CCC bangunan tersebut).
- x. Bagi bangunan kediaman bertanah sedia ada yang terdapat tambahan struktur tanpa kebenaran, adalah tidak dibenarkan untuk dijadikan penginapan pekerja sementara melainkan struktur tambahan tersebut mendapatkan kelulusan PBT;
- xi. Permohonan penginapan pekerja sementara di dalam tapak warisan dunia UNESCO adalah tidak dibenarkan; dan
- xii. Kelulusan penginapan pekerja untuk tempoh sementara adalah tertakluk kepada pihak PBT.

6.3 BANGUNAN PERNIAGAAN

Bagi bangunan perniagaan, pihak syarikat atau majikan adalah dibenarkan untuk membuat suatu permohonan bagi pengoperasian penginapan pekerja secara **sementara** di bangunan perniagaan sedia ada kepada pihak PBT.

6.3.1 Tempoh Kelulusan Yang Dibenarkan

- i. Penginapan pekerja di bangunan perniagaan sedia ada adalah bersifat sementara iaitu selama **tiga (3) tahun berakhir pada 31 Disember 2027**;
- ii. Pihak syarikat / majikan hanya dibenarkan mengemukakan permohonan kepada PBT **mulai 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2025**. Sebarang permohonan selepas dari tarikh tersebut, adalah tidak akan dilayan; dan
- iii. Setelah tamat tempoh tiga (3) tahun, bangunan perniagaan tersebut perlu ditukarkan ke keadaan dan aktiviti asal dan pekerja yang menghuni bangunan tersebut perlu dipindahkan ke CLQ.

6.3.2 Jenis-jenis Bangunan Perniagaan Yang Dibenarkan

Bil.	Jenis-jenis Bangunan	Syarat Pembangunan
1.	Rumah Kedai Teres, Berkembar dan Sesebuah	i. Dibenarkan secara satu (1) unit berasingan / aras / keseluruhan blok atau <i>en bloc</i> ; dan ii. Mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak JMB / MC sekiranya melibatkan pembangunan strata.
2.	Kedai Pejabat Teres, Berkembar dan Sesebuah	
3.	Unit Rumah Kedai	
4.	Pangsapuri Perkhidmatan, SOHO, SOFO	i. Dibenarkan secara satu (1) unit berasingan atau keseluruhan blok; dan ii. Mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak JMB / MC sekiranya melibatkan pembangunan strata.

Bil.	Jenis-jenis Bangunan	Syarat Pembangunan
5.	Kompleks Perniagaan, Bangunan Pejabat dan Bangunan Komersial Berbilang Tingkat	<ul style="list-style-type: none"> i. Dibenarkan secara keseluruhan bangunan, sebahagian bangunan pada bahagian yang sama sahaja atau secara <i>en bloc</i>; dan ii. Mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak JMB / MC sekiranya melibatkan pembangunan strata.
6.	Hotel / Resort	<ul style="list-style-type: none"> i. Dibenarkan secara satu (1) unit berasingan atau keseluruhan blok; ii. Setiap pelan unit penginapan hendaklah dikemukakan oleh majikan melalui perunding bertauliah berserta tandatangan pemilik bangunan dan majikan (jika berkaitan) di atas pelan; dan iii. Mengemukakan surat persetujuan pemilik hotel untuk dijadikan sebagai penginapan pekerja.
6.	Pembangunan Bercampur	<ul style="list-style-type: none"> i. Hanya dibenarkan bagi unit perniagaan sahaja; dan ii. Mendapatkan kebenaran bertulis daripada MC / JMB sekiranya melibatkan pembangunan strata.

6.3.3 Syarat-syarat umum

- i. Syarikat atau majikan hendaklah mengemukakan permohonan Pelan Bangunan ke Jabatan Bangunan PBT bagi proses mendapatkan kelulusan penginapan pekerja untuk tempoh sementara;

- ii. Penginapan pekerja untuk tempoh sementara dibenarkan di bangunan perniagaan sedia ada yang telah mempunyai OC / CCC. (PBT perlu menyemak OC / CCC bangunan tersebut);
- iii. Bangunan perniagaan sedia ada yang kosong, tidak beroperasi dan mempunyai OC / CCC adalah dibenarkan;
- iv. Penginapan pekerja untuk tempoh sementara tidak dibenarkan di kawasan yang boleh menyebabkan kesesakan lalu lintas, menjejaskan aspek keselamatan dan menimbulkan masalah kacau ganggu;
- v. Syarikat atau majikan hendaklah mematuhi kapasiti maksimum yang ditetapkan oleh JTK mengikut [AKTA 446] yang berkuat kuasa sedia ada;
- vi. Syarikat atau majikan hendaklah mematuhi syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh PBT dan SOP daripada pihak JTK Pulau Pinang, KKM dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan agensi lain jika terdapat keperluan;
- vii. Syarikat atau majikan perlu memastikan setiap unit yang dijadikan penginapan pekerja adalah dihuni oleh pekerja daripada syarikat atau majikan yang sama sahaja. (Tidak boleh bercampur dengan syarikat atau majikan yang lain);
- viii. Syarikat atau majikan perlu memastikan setiap unit yang dijadikan penginapan pekerja adalah dihuni oleh pekerja mengikut jantina yang sama;
- ix. Syarikat atau majikan perlu memantau dan memastikan unit dijadikan penginapan pekerja dalam keadaan terkawal dan tiada aduan kacau ganggu yang dilaporkan;
- x. Bagi bangunan perniagaan sedia ada yang terdapat tambahan struktur tanpa kebenaran, adalah tidak dibenarkan untuk dijadikan penginapan pekerja sementara melainkan struktur tambahan tersebut mendapatkan kelulusan PBT;
- xi. Permohonan penginapan pekerja sementara bagi bangunan perniagaan (tingkat bawah dijalankan aktiviti perniagaan dan tingkat atas digunakan untuk kediaman) yang berada di dalam tapak warisan dunia UNESCO adalah dibenarkan

dengan sokongan bertulis daripada YB ADUN Kawasan dan dihadkan hanya kepada pekerja yang berkerja di tingkat bawah bangunan tersebut sahaja; dan

- xii. Kelulusan penginapan pekerja untuk tempoh sementara adalah tertakluk kepada pihak PBT.

6.4 BANGUNAN PERINDUSTRIAN

Bagi bangunan perindustrian, pihak syarikat atau majikan adalah dibenarkan untuk membuat suatu permohonan bagi pengoperasian penginapan pekerja di bangunan perindustrian sedia ada secara **sementara** kepada pihak PBT.

6.4.1 Tempoh Kelulusan Yang Dibenarkan

- i. Penginapan pekerja di bangunan perindustrian sedia ada adalah bersifat sementara iaitu selama **tiga (3) tahun berakhir pada 31 Disember 2027**;
- ii. Pihak syarikat / majikan hanya dibenarkan mengemukakan permohonan kepada PBT **mulai 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2025**. Sebarang permohonan selepas dari tarikh tersebut, adalah tidak akan dilayan; dan
- iii. Setelah tamat tempoh tiga (3) tahun, bangunan perindustrian tersebut perlu ditukarkan ke keadaan dan aktiviti asal dan pekerja yang menghuni bangunan tersebut perlu dipindahkan ke CLQ.

6.4.2 Jenis-jenis Bangunan Perindustrian Yang Dibenarkan

Bil.	Jenis-jenis Bangunan	Syarat Pembangunan
1.	Kilang atau Gudang Sesebuah;	i. Dibenarkan secara satu (1) unit berasingan atau keseluruhan blok;
2.	Kilang atau Gudang Berkembar;	
3.	Kilang Berbilang Tingkat;	
4.	Kilang Teres;	

Bil.	Jenis-jenis Bangunan	Syarat Pembangunan
5.	Bangunan Terbiar / Terbengkalai;	ii. Hendaklah memastikan bangunan adalah tertutup; iii. Hendaklah memastikan bangunan berpagar dan berpengawal; dan iv. Halaman plot bangunan kilang sedia ada (tambahan struktur sementara baru) boleh dijadikan sebagai TLQ dengan mengemukakan permohonan Pelan Bangunan melalui PSP dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh PBT.
6.	Bangunan Sedia Ada (Baharu); dan	
7.	Bangunan Sedia Ada	

6.4.3 Jenis-jenis Bangunan Perindustrian Yang Tidak Dibenarkan

- i. Kilang kimia atau berisiko tinggi;
- ii. Kilang yang bersebelahan dengan kilang kimia atau berisiko tinggi;
- iii. Kilang yang boleh menimbulkan isu bahaya, keselamatan dan kebakaran;
- iv. Kilang yang menyebabkan pencemaran udara dan terdapat aduan; dan
- v. Faktor-faktor lain yang boleh membahayakan untuk tujuan penginapan pekerja.

6.4.4 Syarat-syarat Umum

- i. Syarikat atau majikan hendaklah mengemukakan permohonan Pelan Bangunan ke Jabatan Bangunan PBT bagi proses mendapatkan kelulusan penginapan pekerja untuk tempoh sementara;

- ii. Syarikat atau majikan tidak dibenarkan untuk tukar guna sebahagian tingkat atau sebahagian unit bangunan tersebut. Walau bagaimanapun, pertimbangan boleh diberikan mengikut kes-kes tertentu atau sekiranya aktiviti di tingkat bawah bukan aktiviti industri berisiko (contohnya: restoran / kedai makan). Penginapan pekerja untuk tempoh sementara dibenarkan di bangunan industri sedia ada yang telah mendapat Sijil Layak Menduduki atau Perakuan Siap Dan Pematuhan (OC / CCC). (PBT perlu menyemak OC / CCC bangunan tersebut);
- iii. Bangunan industri sedia ada yang kosong, tidak beroperasi dan mempunyai OC / CCC adalah dibenarkan;
- iv. Syarikat atau majikan hendaklah memastikan pengubahsuaian kilang sedia ada untuk penambahan komponen penginapan pekerja adalah tidak membahayakan pekerja;
- v. Syarikat atau majikan hendaklah mematuhi kapasiti maksimum yang ditetapkan oleh pihak JTK mengikut [AKTA 446] yang berkuat kuasa sedia ada;
- vi. Syarikat atau majikan hendaklah mematuhi syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh PBT dan SOP daripada pihak JTK Pulau Pinang, KKM dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan agensi lain jika terdapat keperluan;
- vii. Syarikat atau majikan perlu memastikan setiap unit yang dijadikan penginapan pekerja adalah dihuni oleh pekerja daripada syarikat / majikan yang sama sahaja. (Tidak boleh bercampur dengan syarikat / majikan yang lain);
- viii. Syarikat atau majikan perlu memastikan setiap unit yang dijadikan penginapan pekerja adalah dihuni oleh pekerja mengikut jantina yang sama;
- ix. Syarikat atau majikan perlu memantau dan memastikan unit dijadikan penginapan pekerja dalam keadaan terkawal dan tiada aduan kacau ganggu yang dilaporkan;

- x. Bagi bangunan perindustrian sedia ada yang terdapat tambahan struktur tanpa kebenaran, adalah tidak dibenarkan untuk dijadikan penginapan pekerja sementara melainkan struktur tambahan tersebut mendapatkan kelulusan PBT; dan
- xi. Kelulusan penginapan pekerja untuk tempoh sementara adalah tertakluk kepada pihak PBT.

6.5 KAWASAN TAPAK BINA

Bagi tapak bina, pihak syarikat atau majikan adalah dibenarkan untuk membuat suatu permohonan bagi pengoperasian penginapan pekerja di kawasan tapak bina sedia ada secara **sementara** kepada pihak PBT. Permohonan ini adalah tertakluk kepada prosedur sedia ada pihak PBT.

7.0 CAJ KADAR BAYARAN FI PEMROSESAN

- 7.1 Syarikat atau majikan perlu mengemukakan bayaran Caj Kadar Bayaran Fi Pemrosesan Bagi Permohonan Penginapan Pekerja Sementara ke Jabatan Bangunan mengikut kawasan pentadbiran PBT.
- 7.2 Syarikat atau majikan perlu membuat pembayaran fi pemrosesan ini untuk tempoh tiga (3) tahun secara *one-off* seperti berikut:

PENENTUAN KADAR	RINGGIT MALAYSIA
Setiap unit penginapan pekerja bersaiz 750 kaki persegi dan ke bawah	RM1,000.00 / unit
Setiap unit penginapan pekerja bersaiz 751 kaki persegi dan ke atas	RM3,000.00 / unit

8.0 ASPEK REKA BENTUK

- 8.1 PBT hanya memperakukan kelulusan untuk Penginapan Pekerja Tempoh Sementara sahaja (dengan pindaan / tiada pindaan). Susun atur ruang dalaman dan jumlah pekerja, pemohon perlu mematuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan Tenaga Kerja.
- 8.2 Syarikat atau majikan perlu mematuhi dan memastikan setiap penginapan pekerja mengikut keperluan [AKTA 446] dan peraturan-peraturan di bawahnya.
- 8.3 Hal ini bagi memastikan kawalan dalaman dan penyediaan keperluan asas setiap pekerja adalah teratur seperti yang dinyatakan di dalam jadual seperti berikut:

Perkara	Keperluan Minimum	
	Konsep Dormitori	Konsep Pangsapuri
Ruang Tidur	3.0 m ² setiap orang pekerja	3.6 m ² setiap orang pekerja
Tandas	1 buah tandas : 15 orang pekerja	1 buah tandas : 6 orang pekerja
Bekalan Air Dan Elektrik	Memastikan terdapatnya bekalan air dan elektrik dalam penginapan pekerja.	
Kemudahan Asas Yang Tidak Boleh Dikongsi	<ul style="list-style-type: none"> • Katil bujang tidak kurang 1.7 m²; • Katil jenis 2 tingkat dengan jarak ruang 0.7 m; • Tilam tidak kurang 4 inci (10.2 cm) tebal; • Bantal; • Selimut; dan • Almari berkunci bersaiz tidak kurang dari 0.35 m panjang x 0.35 m lebar x 0.9 m tinggi. 	
Kemudahan Asas Yang Lain	<ul style="list-style-type: none"> • Satu (1) ruang rehat; • Satu (1) ruang makan dengan kerusi dan meja, satu (1) ruang dapur; • Kipas bagi setiap ruang rehat, makan dan bilik tidur; • Lampu bagi setiap ruang rehat, ruang makan, bilik tidur, ruang dapur, bilik air dan tandas; • Ruang menyidai pakaian; • Satu (1) alat pertolongan cemas; dan • Tong sampah. 	

9.0 ASPEK KEMUDAHAN AWAM DAN FASILITI

- 9.1 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan pemilikan kenderaan bermotor adalah tidak dibenarkan kepada pekerja bukan warganegara Malaysia dan menunggang basikal sahaja.
- 9.2 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan tempat letak basikal perlu ditempatkan di lokasi yang sesuai dan tidak menimbulkan kesesakan dan kacau ganggu.
- 9.3 Syarikat atau majikan hendaklah menyediakan pengangkutan khas (*shuttle*) bagi menghantar dan mengambil pekerja di bawah seliaan masing-masing.
- 9.4 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan tempat letak kenderaan bagi pekerja warganegara Malaysia yang menggunakan tempat letak kenderaan sedia ada hendaklah tertakluk pada syarat yang ditetapkan oleh pemilik bangunan.
- 9.5 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan ruang menunggu kenderaan perlu ditempatkan di lokasi yang sesuai di kawasan penginapan sementara agar tidak menimbulkan masalah kesesakan lalu lintas.
- 9.6 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan setiap unit penginapan pekerja memperoleh bekalan air dan tekanan yang mencukupi untuk keperluan domestik dan juga mengambil kira bencana kebakaran.
- 9.7 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan kesemua kerja reka bentuk pembinaan dan penyiapan bangunan pencawang elektrik lampu jalan dan hal-hal berkaitan hendaklah mematuhi kehendak dan mendapat kelulusan daripada pihak Tenaga Nasional Berhad di peringkat kelulusan PKM.
- 9.8 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan setiap unit penginapan pekerja memperoleh sistem pembentungan mematuhi keperluan IWK.

- 9.9 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan dan sistem perparitan mampu mengelakkan air bertakung dan mempunyai saiz yang bersesuaian dan mematuhi kehendak Jabatan Pengairan dan Saliran dan berkonsepkan pengawalan punca atau Manual Saliran Mesra Alam (MASMA).

10.0 ASPEK KESELAMATAN

- 10.1 Syarikat atau majikan hendaklah menyediakan pondok keselamatan di semua pintu keluar / masuk utama dan melantik syarikat keselamatan yang berkelayakan untuk mengawal kawasan penginapan sementara (tertakluk pada keperluan atau syarat tambahan oleh PBT).
- 10.2 Syarikat atau majikan hendaklah memagar di sekeliling kawasan penginapan sementara *en bloc* bagi membezakan bangunan penginapan pekerja dan kawasan awam atau kawasan-kawasan lain.
- 10.3 Syarikat atau majikan hendaklah memaparkan maklumat asas di dinding luar bersebelahan pintu masuk utama premis penginapan pekerja dengan maklumat seperti berikut:
- i. Nama syarikat;
 - ii. Alamat syarikat;
 - iii. Nama pengurus penginapan;
 - iv. Nombor telefon pengurus penginapan;
 - v. Nama penghuni (termasuk nombor kad pengenalan / pasport);
 - vi. Jumlah bilangan penghuni; dan
 - vii. Kewarganegaraan penghuni.
- 10.4 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan semua ruang tangga termasuk tangga kecemasan pada setiap masa mempunyai

pencahayaan, pengudaraan yang baik dan tangga-tangga dipasang pemegang.

- 10.5 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan kelengkapan memadam kebakaran yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik.
- 10.6 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik.
- 10.7 Syarikat atau majikan hendaklah menyediakan tangga kecemasan, alat pemadam api dan kelengkapan-kelengkapan lain tertakluk pada kehendak pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. (Pihak syarikat atau majikan hendaklah mengemukakan perakuan pematuhan syarat-syarat kepada PBT)
- 10.8 Syarikat atau majikan digalakkan memasang kelengkapan CCTV di dalam kawasan atau bangunan penginapan pekerja yang strategik.
- 10.9 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan semua pekerja di bawah seliaan terutamanya pekerja warga asing menjalani tapisan keselamatan oleh pihak-pihak yang ditetapkan oleh kerajaan.
- 10.10 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan semua maklumat pekerja di bawah seliaan terutamanya pekerja warga asing dikemukakan / disalinkan kepada pihak Jabatan Imigresen, Majlis Keselamatan Negara, Polis Diraja Malaysia dan JMB / MC.

11.0 ASPEK KEBERSIHAN

- 11.1 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan kawasan persekitaran penginapan sementara diuruskan dengan baik.
- 11.2 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan pihak pengurusan menyelaraskan dan menguruskan pelupusan sampah serta sisa pepejal lain di dalam kawasan penginapan pekerja.
- 11.3 Syarikat atau majikan hendaklah menyediakan tong sampah dan tong kitar semula yang mencukupi di dalam kawasan atau bangunan penginapan pekerja. Semua sampah sarap hendaklah dimasukkan ke dalam karung plastik atau bekas-bekas lain yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.
- 11.4 Syarikat atau majikan hendaklah menjalankan pemeriksaan kesihatan bagi setiap pekerja bagi mengesan penyakit berjangkit di peringkat awal dan menghantar pulang warga asing yang menghidap penyakit berjangkit ke negara asal dengan segera.
- 11.5 Syarikat atau majikan hendaklah menyediakan kemudahan rawatan dan kesihatan yang dikendalikan oleh anggota yang bertauliah. Bilik sakit (*sick bay*) disediakan bagi pengasingan mereka yang sakit (jika perlu).

12.0 ASPEK SOSIAL

- 12.1 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan pengasingan unit dengan mengambil kira jantina, negara asal, agama yang dianuti untuk mengelakkan sebarang perbalahan atau pergaduhan sesama mereka.
- 12.2 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan aktiviti memasak hanya dibenarkan di ruang yang disediakan seperti dapur dan tidak dibenarkan memasak di dalam bilik penginapan dan tempat-tempat lain.

12.3 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan semua pekerja di bawah seliaan tidak melakukan aktiviti-aktiviti dilarang sama sekali seperti berikut:

- i. Mandi di luar kawasan penginapan;
- ii. Menjalankan aktiviti pertanian dan memelihara haiwan peliharaan atau ternakan;
- iii. Menjalankan aktiviti yang menimbulkan kacau ganggu;
- iv. Mencemarkan kebersihan dan persekitaran;
- v. Menyembelih haiwan atau ternakan;
- vi. Meminum minuman keras;
- vii. Melakukan aktiviti pelacuran, perjudian dan seks rambang;
- viii. Menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan di unit penginapan pekerja; dan
- ix. Menjalankan apa-apa aktiviti selain penginapan serta menimbulkan kacau ganggu kepada jiran bersebelahan.


13.0 PELANGGARAN SYARAT PENGOPERASIAN PENGINAPAN PEKERJA SEMENTARA

Sekiranya PBN atau PBT mendapati pihak syarikat atau majikan tidak mematuhi mana-mana syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam garis panduan ini atau menerima apa-apa aduan daripada penduduk setempat, maka PBN dan PBT sendiri berhak untuk membatalkan permit dan mengambil tindakan penguatkuasaan susulan yang sewajarnya di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa.


DIKOSONGKAN

14.0 CARTA ALIR PERMOHONAN PENGOPERASIAN PENGINAPAN PEKERJA SEMENTARA


14.1 PERMOHONAN PENGINAPAN PEKERJA SEMENTARA DI BANGUNAN KEDIAMAN STRATA




14.2 PERMOHONAN PENGINAPAN PEKERJA SEMENTARA DI BANGUNAN KEDIAMAN BERTANAH




14.3 PERMOHONAN PENGINAPAN PEKERJA SEMENTARA DI BANGUNAN PERNIAGAAN



14.4 PERMOHONAN PENGINAPAN PEKERJA SEMENTARA DI BANGUNAN PERINDUSTRIAN



14.5 PERMOHONAN PENGINAPAN PEKERJA SEMENTARA DI KAWASAN TAPAK BINA



**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

3. Nyatakan jumlah peruntukan geran MARRIS kepada MBSP pada tahun 2024.
 - (a) Perincikan perbelanjaan di bawah peruntukan MARRIS pada tahun 2024.
 - (b) Huraikan jangkaan penerimaan peruntukan MARRIS bagi tahun 2025 dan pembahagian mengikut Jabatan.
 - (c) Apakah peruntukan Persekutuan yang diperolehi oleh MBSP selain MARRIS?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Jumlah peruntukan geran MARRIS yang diterima oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada tahun 2024 adalah sebanyak **RM135,927,200.00**.
 - (a) Perincian perbelanjaan MBSP di bawah peruntukan MARRIS bagi tahun 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (b) Jangkaan penerimaan peruntukan MARRIS oleh MBSP bagi tahun 2025 adalah sebanyak **RM91,200,000.00**, manakala pembahagian peruntukan MARRIS mengikut jabatan di MBSP adalah seperti di **LAMPIRAN B**; dan
 - (c) Senarai peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan yang diperolehi oleh MBSP selain daripada peruntukan MARRIS adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

LAMPIRAN A

**PERINCIAN PERBELANJAAN
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)
DI BAWAH PERUNTUKAN MARRIS PADA TAHUN 2024**

BIL.	JABATAN	SKOP KERJA	PERBELANJAAN PERUNTUKAN (RM)
1.	Kejuruteraan	Penyenggaraan Jalan	33,639,577.75
		Penyenggaraan Parit	9,007,479.35
		Penyenggaraan Lampu Isyarat	5,517,229.94
2.	Perkhidmatan Perbandaran	Perkhidmatan Pembersihan	75,656,089.67
3.	Landskap	Penyenggaraan Pokok Teduhan	3,733,173.55
JUMLAH (RM)			127,553,550.26

LAMPIRAN B**PEMBAHAGIAN PERUNTUKAN MARRIS MENGIKUT JABATAN DI
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP) PADA TAHUN 2025**

BIL.	JABATAN	PERBELANJAAN PERUNTUKAN (RM)
1.	Kejuruteraan	21,180,000
2.	Perkhidmatan Perbandaran	65,020,000
3.	Landskap	5,000,000
JUMLAH (RM)		91,200,000

LAMPIRAN C**SENARAI PERUNTUKAN DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN
YANG DIPEROLEHI OLEH MBSP SELAIN DARIPADA PERUNTUKAN
MARRIS**

BIL.	KEMENTERIAN	JENIS PERUNTUKAN / PROGRAM
1.	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM)
2.	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	Bajet Pembangunan 01 (BP.01)
3.	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP)
4.	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)	Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)
5.	Kemeterian Belia Dan Sukan (KBS)	Kementerian Belia Dan Sukan (KBS)
6.	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Program Bandar Selamat
7.	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	Program Baik Pulih Rumah Di Bandar (PBPR)

BIL.	KEMENTERIAN	JENIS PERUNTUKAN / PROGRAM
8.	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	Program Bina Baharu Rumah Di Bandar (PBBR)
9.	Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Program Kampung Angkat MADANI ICU JPM
10.	Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Peruntukan YB Parlimen
11.	Jabatan Landskap Negara (JLN)	Naik Taraf Taman Awam
12.	Kementerian Pelancongan Seni Dan Warisan (MOTAC)	Pemulihan, Pemuliharaan, Ubah Suai Dan Naik Taraf (PPUN)

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

4. Huraikan fungsi dan tanggungjawab Jabatan Landskap MBSP.
- (a) Huraikan jumlah keluasan kawasan lapang milik MBSP dan kos penyelenggaraan bulanan.
 - (b) Huraikan jumlah kelengkapan alat permainan dan senaman yang dipasang sepanjang tahun 2024 dan nyatakan kos berkaitan.
 - (c) Huraikan inventori pokok bawah MBSP dan kos penyelenggaraan bagi tahun 2024.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Antara fungsi dan tanggungjawab Jabatan Landskap di Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah seperti berikut:
- i. Merancang, mereka bentuk, membangunkan projek-projek landskap taman-taman dan kawasan rekreasi untuk masyarakat di kawasan Seberang Perai berdasarkan kepada Pelan Induk Landskap Majlis;
 - ii. Mengurussetiakan Jawatankuasa Perancangan, Pembangunan dan Pengindahan;

- iii. Mengkaji dan meluluskan permohonan landskap sebelum mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja dan Pematuhan (CCC);
 - iv. Menyediakan penyelenggaraan landskap yang berkualiti, efisien dan selamat;
 - v. Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan pokok;
 - vi. Membangun dan menyelenggara taman-taman khas bagi menarik perhatian para pelancong di luar Negeri Pulau Pinang;
 - vii. Menguruskan tapak semeaian tanaman untuk keperluan jabatan;
 - viii. Memberi khidmat nasihat mengenai landskap kepada agensi, sekolah dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO);
 - ix. Menganjurkan aktiviti-aktiviti landskap yang melibatkan penyertaan orang awam;
 - x. Memelihara dan memulihara warisan landskap secara berterusan dan mampan;
 - xi. Menguruskan projek landskap 7P's (People, Public, Private, Philantropy, Philosopher, Planet, Partnership); dan
 - xii. Menyelenggara taman permainan kanak-kanak dan taman awam.
- (a) Jumlah keluasan kawasan lapang milik MBSP dan kos penyelenggaraan bulanan adalah seperti berikut:

DAERAH	STATUS	JUMLAH LOT	HEKTAR
Seberang Perai Utara	Warta	448	165.66
	Belum Warta	35	11.73
	Belum Warta (Tanah Majlis)	4	2.12
	Dalam Proses	8	1.44
JUMLAH		495	180.95

DAERAH	STATUS	JUMLAH LOT	HEKTAR
Seberang Perai Tengah	Warta	562	135.82
	Belum Warta	31	12.89
	Belum Warta (Tanah Majlis)	1	0.12
	Dalam Proses	7	1.58
	Nyah Warta	1	0.05
JUMLAH		602	150.46
Seberang Perai Selatan	Warta	131	44.20
	Belum Warta	99	42.45
	Belum Warta (Tanah Majlis)	11	0.80
	Dalam Proses	21	8.35
	Dalam Proses (Tanah Majlis)	10	1.52
	Nyah Warta	1	0.22
JUMLAH		273	97.55

Jumlah kos penyelenggaraan bulanan bagi tahun 2024 adalah seperti berikut:

DAERAH	BULAN (TAHUN 2024)	KOS PENYELENGGARAAN (RM)
Seberang Perai Utara	Januari-Ogos	Dilaksanakan secara dalaman
	September	72,328.00
	Oktober	21,228.00
	November	TIADA
	Disember	30,584.40
JUMLAH		124,140.40

DAERAH	BULAN (TAHUN 2024)	KOS PENYELENGGARAAN (RM)
Seberang Perai Tengah	Januari-Ogos	Dilaksanakan secara dalaman
	September	RM 39,080.00
	Oktober	RM 54,880.00
	November	Tiada
	Disember	Tiada
JUMLAH		93,960.00
Seberang Perai Selatan	Januari-Julai	Dilaksanakan secara dalaman
	Ogos	RM 73,748.00
	September	Tiada
	Oktober	Tiada
	November	RM 26,190.00
	Disember	RM4,997.30
JUMLAH		RM104,935.30

- (b) Jumlah kelengkapan alat permainan dan senaman yang dipasang sepanjang tahun 2024 dan kos yang berkaitan dengannya adalah seperti berikut:

LOKASI / DAERAH	JENIS KELENGKAPAN	BILANGAN UNIT	KOS (RM)
Seberang Perai Utara	Alat Permainan	2	75,240.00
	Alat Senaman	32	110,300.00
Seberang Perai Tengah	Alat Permainan	3	124,170.00
	Alat Senaman	28	96,512.50

LOKASI / DAERAH	JENIS KELENGKAPAN	BILANGAN UNIT	KOS (RM)
Seberang Perai Selatan	Alat Permainan	1	41,390.00
	Alat Senaman	28	96,512.50
JUMLAH		94	544,125.00

- (c) Sehingga tahun 2024, MBSP telah merekodkan sebanyak **146,921** batang pokok di kawasan awam seperti taman, jalan utama, kawasan komersial, dan taman rekreasi awam.

Selanjutnya, jumlah kos penyelenggaraan pokok yang direkodkan ialah sebanyak **RM 2,396,075.08** melalui peruntukan *Malaysia Road Record Information System* (MARRIS) dan MBSP. Dalam memastikan keselamatan awam dan kesihatan pokok sentiasa terpelihara, MBSP memperuntukkan kos penyelenggaraan yang merangkumi aktiviti seperti berikut:

- (i) Pemangkasan berkala;
- (ii) Rawatan penyakit pokok;
- (iii) Penebangan pokok berisiko;
- (iv) Penanaman semula; dan
- (v) Pemeriksaan dan audit keselamatan pokok.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

5. Huraikan status pengwujudan Jabatan Lalulintas di MBSP.
- (a) Huraikan jumlah permohonan TIA sepanjang tahun 2024 dan proses penilaiannya.
 - (b) Nyatakan kawasan *hotspot* kesesakan di Seberang Perai.
 - (c) Nyatakan jumlah warden trafik sedia ada dan huraikan tugas harian mereka.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menubuhkan Unit Lalu Lintas di bawah Jabatan Kejuruteraan yang berperanan mengendalikan hal ehwal berkaitan pengurusan dan kawalan lalu lintas. Antara fungsi utama unit ini adalah seperti berikut:-
- (i) Menyiasat dan mengambil tindakan terhadap aduan orang awam berkaitan kesesakan atau masalah aliran trafik;
 - (ii) Menyediakan kertas kerja dan laporan untuk Mesyuarat Jawatankuasa Lalu Lintas dan Infrastruktur;
 - (iii) Merancang dan melaksanakan sistem jalan sehalu bagi melancarkan pergerakan kenderaan terutama di kawasan padat;

- (iv) Menjalankan inisiatif untuk mengurangkan kemalangan jalan raya melalui penambahbaikan fizikal dan langkah keselamatan;
 - (v) Meneliti dan memberi ulasan terhadap laporan Kajian Impak Lalu Lintas (TIA) yang dikemukakan oleh pemaju;
 - (vi) Memberi ulasan teknikal terhadap permohonan lesen berkaitan penggunaan jalan awam;
 - (vii) Menyimpan dan mengemas kini data berkaitan lalu lintas seperti jalan sehala, had laju, kawasan parkir dan laluan kenderaan berat; dan
 - (viii) Mengatur dan menghadiri lawatan tapak bagi menilai dan menyelesaikan isu-isu trafik secara langsung bersama agensi berkaitan.
- (a) Sepanjang tahun 2024, sejumlah 75 permohonan Kajian Impak Lalu Lintas (TIA) telah diterima oleh MBSP. Setiap laporan TIA akan dinilai oleh Unit Lalu Lintas dari aspek infrastruktur sedia ada, unjuran trafik dan cadangan mitigasi. Laporan tersebut akan dibentangkan dalam Mesyuarat TIA yang dihadiri oleh agensi berkaitan, pemaju dan perunding. Selepas pertimbangan mesyuarat, kelulusan berserta syarat teknikal akan dikeluarkan oleh Jabatan Kejuruteraan.
- (b) Kawasan *hotspot* kesesakan di Seberang Perai adalah seperti berikut:-
- (i) Seberang Perai Utara (SPU):
 - 1) Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir;
 - 2) Jalan Gelugor;
 - 3) Jalan Pongsu Seribu;
 - 4) Jalan Pokok Sena; dan
 - 5) Jalan Bagan Ajam.

(ii) Seberang Perai Tengah (SPT):

- 1) Pekan Bukit Mertajam;
- 2) Jalan Perusahaan;
- 3) Jalan Tok Kangar;
- 4) Jalan Arumugam Pilai-Jalan Berapit;
- 5) Jalan Sungai Dua;
- 6) Jalan Rozhan, Alma;
- 7) Jalan Machang Bubok-Bukit Mertajam;
- 8) Lebuhraya Terbuka dari Juru ke Seberang Jaya;
- 9) Persimpangan Bulatan Seberang Jaya;
- 10) Jalan Persekutuan dari Permatang Tinggi hingga Permatang Pauh; dan
- 11) Persimpangan Jalan Kebun Nenas dengan susur keluar/masuk Lebuhraya Utara-Selatan (Autocity).

(iii) Seberang Perai Selatan (SPS):

- 1) Jalan Bukit Tambun;
- 2) Jalan Batu Kawan;
- 3) Persimpangan Jalan Tasek/Jalan Valdor;
- 4) Jalan Perindustrian Valdor;
- 5) Jalan Persekutuan dari Simpang Ampat ke Sungai Bakap; dan

- 6) Jalan Persekutuan dari Tol Jawi hingga Jalan Bukit Panchor.
- (c) Jumlah anggota warden trafik sedia ada adalah seramai 13 orang anggota. Antara tugas harian adalah seperti berikut:-
- (i) Melaksanakan aktiviti penguatkuasaan di bawah peruntukan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333);
 - (ii) Membantu penyuraian kesesakan lalu lintas di lokasi *hotspot* yang telah ditetapkan;
 - (iii) Menjalankan tugas kawalan lalu lintas bagi program-program rasmi yang dianjurkan oleh pihak MBSP; dan
 - (iv) Membantu kawalan lalu lintas bersama agensi luar yang melibatkan operasi khas.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

6. Huraikan tarikh kelulusan, tarikh permulaan kerja, keluasan dan komponen cadangan pemajuan bagi semua kawasan tebus guna laut yang sedang dalam pelaksanaan.
- (a) Huraikan sumber pasir dan batu bagi setiap kerja tebus guna.
 - (b) Huraikan jumlah perolehan premium dan tanah daripada projek tebus guna berkenaan.
 - (c) Apakah perancangan tebus guna selanjutnya oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

6. Berikut adalah perincian mengenai tarikh kelulusan, tarikh permulaan kerja, keluasan kawasan, serta komponen cadangan pemajuan bagi projek-projek tebus guna laut yang sedang dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang.

Projek Tambakan Laut Pulau Silikon

Projek tambakan laut Pulau Silikon dilaksanakan berdasarkan kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Putrajaya pada 11 April 2023. Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) pula telah diluluskan oleh JAS Negeri Pulau Pinang pada 21 Julai 2023, diikuti dengan kelulusan kebenaran merancang pada 21 Ogos 2023. Kerja-kerja fizikal dimulakan secara rasmi pada 1 September 2023. Projek ini meliputi keluasan keseluruhan 2,300 ekar.

Pulau Silikon dirancang sebagai pembangunan bercampur berkonsepkan bandar hijau dan pintar dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Komponen utama pembangunan merangkumi:

- (i) Infrastruktur asas dan kawasan biru-hijau;
- (ii) Kemudahan awam seperti hospital, sekolah dan pusat riadah;
- (iii) Kawasan perindustrian;
- (iv) Perumahan termasuk unit mampu milik;
- (v) Zon pembangunan bercampur; dan
- (vi) Zon komersial yang meliputi ruang pejabat, institusi pendidikan, pusat beli-belah, hotel dan kemudahan hiburan.

Komponen teras projek ini adalah *Green Tech Park*, iaitu taman perindustrian berteknologi tinggi yang bakal menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi dan penyedia peluang pekerjaan baharu. Selain itu, fasa pertama zon komersial akan melibatkan pembangunan *Global Business Services (GBS) Campus*, sebuah menara pejabat utama yang dirancang untuk menarik pelaburan dalam sektor R&D, GBS, pendidikan dan inovasi, terutamanya dalam bidang Elektrik dan Elektronik (E&E).

Projek Pembangunan Pulau Andaman

Projek pembangunan Pulau Andaman merupakan projek tambahan laut yang sedang dalam pelaksanaan di Daerah Timur Laut. Pelan Induk (Pindaan 6) pembangunan ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri melalui Mesyuarat Bil. 4/2023 (sambungan) pada 6 Jun 2023 dan disahkan pada tarikh yang sama.

Keluasan keseluruhan projek ini adalah 760 ekar, yang diperincikan mengikut kategori guna tanah seperti berikut:

- (i) Perumahan;
- (ii) Rumah Mampu Milik (RMM);
- (iii) Perniagaan dan Komersial;

- (iv) Institusi Kerajaan;
- (v) Zon Penampakan; dan
- (vi) Lain-lain Guna Tanah

Pembangunan ini dirangka secara menyeluruh untuk memenuhi keperluan perumahan, komersial, institusi dan kemudahan awam, sambil menekankan prinsip pembangunan mampan dan persekitaran berdaya huni.

Projek-Projek Tebus Guna Laut di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)

Beberapa projek tebus guna laut sedang dilaksanakan di bawah PDC, melibatkan pembangunan bercampur di kawasan strategik. Antara yang utama ialah:

- (i) **Projek Penang World City (Bayan Mutiara):** Dimajukan oleh Mutiara Metropolis Sdn. Bhd. (sebelum ini dikenali sebagai Tropicana Ivory Sdn. Bhd.), melibatkan keluasan 57.60 ekar. Komponen pembangunan termasuk pejabat gred A, pusat perubatan pakar, kawasan komersial, perumahan, serta pembangunan bercampur. Kerja-kerja tebus guna dimulakan pada 24 Februari 2022.
- (ii) **Tebus Guna Petak A1:** Dimajukan oleh Mutiara Waterfront Habitats Sdn. Bhd., merangkumi keluasan 31.50 ekar. Projek ini dirancang sebagai pembangunan bercampur dan masih dalam proses mendapatkan kelulusan.
- (iii) **Tebus Guna Petak A2:** Dimajukan oleh Mutiara Biopolis Properties Sdn. Bhd., dengan keluasan 27.00 ekar. Komponen pembangunan turut melibatkan pembangunan bercampur dan sedang melalui proses kelulusan.
- (iv) **Zon 1:** Dimajukan oleh Asia Green Ventures Sdn. Bhd., dengan keluasan 19.93 ekar. Projek ini juga berkonsepkan pembangunan bercampur dan masih menunggu kelulusan teknikal.

Secara keseluruhan, jumlah keluasan projek-projek tebus guna di bawah PDC adalah sebanyak 136.03 ekar. Kesemua projek ini dijangka akan menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi yang inklusif dan peningkatan taraf hidup rakyat Pulau Pinang.

- (a) Sumber pasir dan batu bagi setiap projek tebus guna adalah tertakluk kepada kelulusan agensi-agensi teknikal yang berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Laut, serta Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Bagi **Projek Pulau Silikon**, sumber pasir diperolehi daripada beberapa lokasi di perairan Persekutuan, khususnya di Negeri Perak dan Selangor. Pengambilan hanya dibenarkan setelah setiap tapak perlombongan memperoleh kelulusan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) yang lengkap. Setakat ini, penggunaan batu bagi projek ini belum dimulakan dan dijangka akan diperolehi dari sumber di Negeri Perak juga.

Sementara itu, bagi **Projek Sri Tanjung Pinang (STP)**, bekalan pasir diperolehi daripada kawasan perlombongan di perairan Negeri Perak dan Selangor, tertakluk sepenuhnya kepada kelulusan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) yang diluluskan bagi setiap tapak pengambilan. Sumber batu bagi projek ini pula diperolehi dari kawasan di Pantai Remis, Negeri Perak.

- (b) Projek **Pulau Silikon** dijangka akan menjana hasil perolehan tanah sebanyak RM14.2 bilion, serta kutipan premium tanah berjumlah RM7.1 juta. Di samping itu, kawasan tanah seluas lebih 70 ekar akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan pembangunan kemudahan awam, termasuk Rumah Mampu Milik, Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri, depot bas, kawasan komersial khas, masjid dan pelbagai kemudahan lain yang akan memberi manfaat kepada rakyat.

Bagi pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), hasil kutipan yang diperolehi daripada **projek-projek tebus guna laut di bawah PDC** (kecuali Projek Penang World City) adalah sebanyak RM106.88 juta dalam bentuk pertimbangan tunai (cash consideration), selain daripada tanah tebus guna seluas kira-kira 13.72 ekar. Sehingga kini, tiada kutipan

premium dikenakan oleh PDC kerana perkara tersebut tertakluk kepada keputusan Kerajaan Negeri melalui kelulusan pemberimilikan tanah yang akan diberikan kelak.

Sementara itu, bagi Projek Fasa 2A **Pulau Andaman**, berdasarkan rekod Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut, sejumlah RM219,981,939.00 telah dikutip pada tahun 2021 sebagai premium bagi perlanjutan tempoh pajakan oleh Tetuan Tanjung Pinang Development Sdn. Bhd., yang melibatkan pembangunan di Bandar Tanjung Pinang, Daerah Timur Laut. Fasa 2B dan 2C pula masih berada dalam peringkat pembangunan.

- (c) Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyedari bahawa bahagian pulau negeri ini akan menghadapi kekurangan tanah utama (prime land) untuk pembangunan pada masa hadapan. Justeru, program tebus guna tanah telah dikenal pasti sebagai antara kaedah strategik untuk menambah bekalan tanah bagi memenuhi keperluan pembangunan jangka panjang di negeri ini. Berdasarkan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP2030) yang telah diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang Jilid 63 Tambahan No. 3/22 bertarikh 24 Oktober 2019 (Kenyataan Warta No. 1068), pelaksanaan tebus guna tanah secara dasarnya dibenarkan di bawah Dasar Khusus (DK) 6.3: Pengurusan Persisiran Pantai dan Tebus Guna Tanah. Dasar ini menjadi panduan kepada Kerajaan Negeri dalam merangka perancangan, pembangunan dan pengurusan persisiran pantai secara menyeluruh, selaras dengan prinsip pembangunan mampan serta mengambil kira keperluan pemeliharaan alam sekitar.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

7. Huraikan jumlah peruntukan disalurkan kepada nelayan, pesawah, pekebun sayur, penternak (poultry) dan pengusaha akuakultur.
- (a) Huraikan status TKPM Ara Kuda dan Juru.
 - (b) Huraikan status ZIA di Penaga.
 - (c) Senaraikan inisiatif untuk pembangunan usahawan tani.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Jumlah peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan kepada nelayan, pesawah, pekebun sayur, penternak dan pengusaha akuakultur di Negeri Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Bagi projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ara Kuda yang beroperasi di atas tanah milik Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), sebahagian lot diuruskan oleh PERDA Venture Incorporated (PVI) yang merupakan anak syarikat kepada PERDA. Pemilihan peserta TKPM dilaksanakan melalui panel bersama Kerajaan Negeri dengan pihak PERDA tetapi tawaran serta perjanjian tanah adalah di antara peserta dan pihak PERDA.

Bagi tanah Kerajaan Negeri, TKPM Ara Kuda berkeluasan 18 ekar telah disewakan dan dipajakkan untuk tempoh tiga (3) dan lima (5) tahun dengan opsyen penyambungan kepada enam (6) pengusaha pertanian. Empat (4) ekar telah diserahkan kepada Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang bagi tujuan kolam tadahan dan pejabat operasi. Manakala tanah di TKPM

Juru dengan keluasan 284.62 ekar telah dipajakkan kepada 10 pengusaha pertanian, lima (5) pengusaha perikanan dan satu (1) pengusaha penternakan.

Bagi jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada penternak, pada tahun 2024 dan anggaran peruntukan sehingga April 2025 yang akan disalurkan seperti di **Lampiran**.

Batu Kawan Agropark @ TKPM Juru untuk sektor penternakan diusahakan oleh CAB Cakaran Breeding Farm Sdn. Bhd bagi penternakan ayam pembiakbaka pedaging.

- (b) Projek Zon Industri Akuakultur (ZIA) di Penaga merupakan kawasan Hutan Simpan Kekal di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP 2030). Justeru, projek ini telah dibatalkan pada 14 Jun 2023 oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan pewartaan sebagai Tapak Ramsar.
- (c) Inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan untuk pembangunan usahawan tani adalah seperti yang berikut:
 - (i) Latihan dan bimbingan bagi membolehkan usahawan tani meningkatkan kemahiran dalam bidang pemprosesan makanan secara komersial;
 - (ii) Bantuan input peralatan dan geran pinjaman merangkumi pemberian bantuan bagi:
 - (a) Penambahbaikan premis sedia ada;
 - (b) Reka bentuk pembungkusan dan pelabelan produk meliputi kos reka bentuk pembungkusan baru;
 - (c) Peningkatan kapasiti pengeluaran melalui perolehan mesin dan peralatan (termasuk kos pemasangan/pengujian);
 - (d) Perolehan papan tanda perniagaan meliputi pembelian dan pemasangan papan tanda premis;

- (e) Geran Pemadanan *Change Upgrade Product* (CUP) kepada usahawan Kategori Mikro yang memperoleh nilai jualan kasar tahunan di bawah RM300,000.00; dan
- (f) Geran Pemadanan *High Impact Product* (HIP) kepada usahawan Kategori Kecil yang memperoleh nilai jualan kasar tahunan RM300,000.00 hingga RM 5 juta.
- (g) Kemudahan infrastruktur seperti menaik taraf Pusat Pengumpulan Produk, Pusat Jualan, Bangunan 3P (Pemprosesan, Pembungkusan, Pemasaran) dan premis usahawan; dan
- (h) Pembangunan aktiviti jualan terus untuk membantu usahawan tani memasarkan hasil jualan di dalam dan luar negeri.

Inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan untuk pembangunan penternakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar adalah seperti yang berikut:

1. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) melalui peruntukan Pembangunan Kerajaan Negeri (P.17) memperuntukan sebanyak RM200,000.00 pada tahun 2025 bagi Usahawan Asas Ternakan (IATn) melalui Projek Pembangunan Industri Ternakan meliputi bantuan secara sepenuhnya menaiktaraf premis pemprosesan / pemasaran, peningkatan keupayaan pengeluaran produk melalui perolehan mesin dan peralatan serta pembungkusan serta perlabelan.
2. Selain itu, disediakan juga Geran Pemadanan (80:20) yang dibiayai bersama oleh usahawan sebanyak 20% daripada nilai perolehan bantuan diluluskan dengan maksimum sebanyak RM50,000/orang bagi menaiktaraf premis, perolehan peralatan atau perlabelan dan pembungkusan.
3. Melalui peruntukan Persekutuan, usahawan IATn juga boleh memohon Geran di bawah *Program Change Upgrade Product (CUP)* 70:30 dengan maksimum pembiayaan sebanyak RM60,000.00 dan *High Impact Product (HIP)* 50:50 dengan maksimum pembiayaan sehingga RM200,000.00.

4. Namun begitu, peluang yang ditawarkan ini jarang direbut oleh Usahawan Industri Asas Ternakan (IATn) di negeri ini yang mana masih banyak usahawan yang tidak berdaftar dengan JPV. JPV menggalakkan usahawan yang mengeluarkan produk berkaitan dengan ternakan untuk mendaftar agar manfaat ini boleh dimanfaatkan bersama.

Maklumat lanjut seperti di **Lampiran**.

**PERUNTUKAN YANG DISALURKAN KEPADA NELAYAN,
PESAWAH, PEKEBUN SAYUR, PENTERNAK DAN PENGUSAHA
AKUAKULTUR DI NEGERI PULAU PINANG**

1. Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang

BUTIRAN	JUMLAH PENERIMA (ORANG)	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan (SPeKS) Akuakultur Tahun 2024	22	693,107.20
Program Pembangunan Integrasi Akuakultur (PPIA) (Sistem Sangkar Bersepadu) Tahun 2024	4	1,824,690.00
Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) di bawah Tabung Bencana Pertanian (TBP) Tahun 2024	51	2,458,000.00
JUMLAH	77	4,975,797.20

2. Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN TANAMAN PADI (RM)	JUMLAH PERUNTUKAN TANAMAN SAYUR-SAYURAN (RM)
2021	600,000.00	665,182.00
2022	350,000.00	454,818.00
2023	990,000.00	640,000.00
2024	700,000.00	780,000.00
2025	450,000.00	250,010.00
JUMLAH	3,090,000.00	2,790,010.00

3. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang

BUTIRAN BAJET PEMBANGUNAN TAHUN 2024		JUMLAH PENERIMA (ORANG)	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Bantuan Utama Mengikut Bahagian			
Program Pembangunan Projek Industri Ternakan		31	567,764.02
Perkhidmatan Sokongan Kesihatan Veterinar	Travis Ternakan	9	116,079.00
	Vaksin FMD Babi	115	106,140.00
Jumlah Bantuan Utama		155	789,983.02
Bantuan One-Off (Nilai Kecil) Pembangunan Industri Ternakan			
Program Ekonomi Rakyat: Pemberian anak ayam dan makanan ternakan		234	170,719.00
Program Ekonomi Rakyat: Pemberian dedak dan bata garam untuk penternak ruminan		405	161,130.00
Jumlah Bantuan <i>One-Off</i>		639	331,849.00
JUMLAH		794	1,121,832.02

BUTIRAN BAJET PEMBANGUNAN TAHUN 2025		JUMLAH PENERIMA (ORANG)	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Bantuan Utama Mengikut Bahagian			
Program Pembangunan Projek Industri Ternakan		44	955,000.00
	Travis Ternakan	10	160,000.00

Perkhidmatan Sokongan Kesihatan Veterinar	Vaksin FMD Babi	113	93,380.00
Jumlah Bantuan Utama		167	1,208,308.00
Bantuan One-Off (Nilaian Kecil) Pembangunan Industri Ternakan			
Belum dimuktamadkan. Peruntukan bergantung kepada lebih pelaksanaan bantuan utama.			
Jumlah Bantuan <i>One-Off</i>		-	-
JUMLAH		167	1,208,308.00

KOMODITI	PROJEK INDUSTRI TERNAKAN TAHUN 2024	JENIS BANTUAN	JUMLAH PENERIMA (ORANG)	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Ruminan	Pembangunan Ruminan Besar	Naik Taraf/ Bina Baharu Kandang	6	218,812.43
		Peralatan	6	43,200.00
	Pembangunan Ruminan Kecil	Naik Taraf/ Bina Baharu Kandang	1	48,350.59
		Peralatan	6	40,800.00
	Pembangunan Baka Ternakan	Baka Ternakan	2	40,000.00
	Pembangunan Makanan Ternakan	<i>Homeplot</i>	3	65,911.00
	Industri Asas Ternakan (IATn)	Pembangunan Industri Asas Tani (IATn)	Peralatan/ Bungkusan dan Pelabelan	3

		Naik Taraf Premis	-	-
Industri Burung Walet	Pembangunan Agro-Pelancongan	Naik Taraf Premis	2	38,350.00
Aneka Haiwan	Pembangunan Agro-Pelancongan	Baka Ternakan	1	12,350.00
Unggas	Pembangunan Industri Unggas	Naik Taraf / Bina Baru Reban	-	-
		Peralatan	1	8,000.00
JUMLAH			31	567,764.02

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

8. Huraikan pengeluaran hasil padi di Pulau Pinang bagi tahun 2024.
 - (a) Huraikan peserta tanaman padi mengikut daerah di Pulau Pinang.
 - (b) Huraikan Pusat Kecemerlangan Teknologi Padi Bumbung Lima.
 - (c) Huraikan pengeluaran Beras Cap Feri.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Pengeluaran hasil padi di Negeri Pulau Pinang bagi Musim Utama 2023/2024 adalah sebanyak 58,878.72 tan metrik dengan anggaran nilai pengeluaran adalah sebanyak RM88,318,080.00. Manakala pengeluaran padi di Negeri Pulau Pinang bagi Luar Musim 2024 adalah sebanyak 57,522.96 tan metrik dengan anggaran nilai pengeluaran adalah sebanyak RM86,284,440.00.

DAERAH / NEGERI	LUAS BERTANAM (ha)	MUSIM UTAMA 2023/2024			LUAR MUSIM 2024		
		PURATA HASIL (Kg/Ha)			PURATA HASIL (Kg/Ha)		
		BASAH	KERING	BERSIH	BASAH	KERING	BERSIH
Barat Daya	296	7,269	6,548	5,717	6,422	5,556	4,950
Seberang Perai Tengah	2,398	5,163	4,651	4,060	5,548	4,799	4,276
Seberang Perai Utara	8,144	6,415	5,779	5,045	6,445	5,575	4,967
Seberang Perai Selatan	1,267	6,390	5,756	5,025	5,486	4,745	4, 228
JUMLAH	12,105	6,185	5,572	4,864	6,166	5,334	4,752

(a) Bilangan peserta tanaman padi di Negeri Pulau Pinang mengikut daerah adalah seperti berikut:

Bil.	Daerah	Bilangan Peserta Tanaman Padi
1.	Seberang Perai Utara, SPU	4,249
2.	Seberang Perai Tengah, SPT	713
3.	Seberang Perai Selatan, SPS	543
4.	Barat Daya, BD	62
Jumlah		5,567

(a) Keluasan plot tanaman padi di Kompleks Pertanian Bumbung Lima adalah berjumlah 28.4 hektar. Pecahan plot dan program yang dilaksanakan adalah seperti jadual yang berikut:

Keluasan (hektar)	Program
24.0	Lanjutan <i>Farmers Field School</i> (FFS)
	(i) Latihan lanjutan kepada graduan (individu) FFS yang dipilih melalui temuduga. (ii) Dikenakan sewaan dengan kadar sewaan adalah mengikut penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

	(iii) Tempoh sewaan adalah selama tiga (3) tahun.
3.2	<p style="text-align: center;">Farmers Field School (FFS)</p> <p>(i) Latihan formal penanaman padi mengikut <i>rice check</i> jabatan secara teori dan amali untuk agen pengembangan dan petani padi di Negeri Pulau Pinang.</p> <p>(ii) Pemilihan peserta adalah berdasarkan permohonan.</p> <p>(iii) Dilaksanakan selama 15 minggu dan tenaga pengajar adalah terdiri daripada pasukan teknikal dan pakar daripada bidang berkaitan.</p> <p>(iv) Telah dilaksanakan bermula tahun 2016 sehingga kini (14 siri) dan seramai 302 peserta telah menamatkan program.</p>
1.2	<p style="text-align: center;">Petak Kawalan</p> <p>(i) Menentukan identiti genetik dan ketulenan varieti sesuatu lot benih berdasarkan kepada pemerhatian dan penilaian terperinci ke atas ciri-ciri morfologi yang dipamerkan oleh setiap pokok dari sampel biji benih yang ditanam di petak kawalan.</p> <p>(ii) Panduan dan perbandingan kepada penilaian kualiti ladang benih dalam melaksanakan pemeriksaan ladang benih.</p> <p>(iii) Memantau dan mengesan benih padi yang diperakui mematuhi ketetapan dan piawaian yang telah ditetapkan.</p> <p>(iv) Mengesan sebarang kepincangan dalam aliran proses pengeluaran benih padi.</p>

- (b) Pengeluaran Beras Cap Feri menggunakan konsep *Private Financial Initiative*, (PFI) dan perolehan dibuat secara *Request for Proposal*, (RFP) oleh syarikat yang berminat. Syarikat yang menghantar dokumen tawaran telah membentangkan cadangan masing-masing kepada Jawatankuasa Pemandu Beras Cap Feri yang dipengerusikan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi.

Syarikat Mohamed Meera Sahib (M) Sdn. Bhd. telah dilantik untuk mengeluarkan Beras Cap Feri di Negeri Pulau Pinang dengan kos awalan yang ditanggung syarikat adalah sebanyak RM160,000.00 tanpa melibatkan peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Sehingga 20 Mac 2025, jumlah pengeluaran adalah sebanyak 16,000 kampak (80 tan metrik) dengan nilai jualan adalah berjumlah RM272,000.00.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

9. Nyatakan status projek Pangsapuri Kos Rendah Taman Murai Jaya.
- (a) Senaraikan permohonan rumah kos rendah dan Rumah Mampu Milik dari DUN Bukit Tambun.
 - (b) Huraikan mekanisme agihan unit Pangsapuri Kos Rendah Taman Murai Jaya.
 - (c) Apakah status pembinaan Pangsapuri Suria 2 di Bandar Cassia?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Projek perumahan Pangsapuri Kos Rendah Taman Murai Jaya merupakan projek yang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) selaku Pengurus Projek dan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) selaku Pemilik Projek. Projek ini telah mencapai 100% kemajuan kerja pada 31 Disember 2024 dan kini dalam proses untuk mendapatkan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).
- (a) Berdasarkan rekod Sistem Maklumat Perumahan (SMP), sehingga tarikh berakhir 30 April 2025, terdapat sebanyak 239 permohonan Rumah MutiaraKu (RMKu) yang dahulunya dikenali sebagai Rumah Mampu Milik (RMM) dalam pelbagai kategori dari DUN Bukit Tambun dengan perinciannya seperti di **LAMPIRAN A**.

- (b) Projek Pangsapuri Kos Rendah Taman Murai Jaya ini akan ditawarkan melalui skim sewa beli (*rent to own* - RTO). Penawaran dibuat berdasarkan kuota kaum mengikut Daerah Seberang Perai Selatan. Syarat-syarat permohonan bagi skim RTO ini adalah seperti berikut:
- (i) Pemohon dan pasangan warganegara Malaysia;
 - (ii) Berumur 21 tahun ke atas;
 - (iii) Pemohon pengundi berdaftar di Pulau Pinang;
 - (iv) Bekerja di Pulau Pinang;
 - (v) Status pemohon berkahwin/janda/duda;
 - (vi) Pemohon dan pasangan tidak pernah memiliki hartanah; dan
 - (vii) Pendapatan pemohon dan pasangan tidak melebihi RM2,500,00 untuk RMKu A (RM42,000.00).
- (c) Projek perumahan Pangsapuri Suria 2 di Bandar Cassia merupakan projek perumahan yang dibangunkan oleh PDC. Status terkini pembinaan projek Pangsapuri Suria 2 di Bandar Cassia kini sudah mencapai tahap kemajuan sebanyak 22.16% dan masih dalam fasa kerja-kerja pembinaan asas.

Kadun	Daerah Pohon	SEHINGGA 30 APRIL 2025																			
		RUMAH MUTIARAKU A (RM42,000)				RUMAH MUTIARAKU B1 (MAKSIMA RM72,500)				RUMAH MUTIARAKU C1 (MAKSIMA RM150,000)				RUMAH MUTIARAKU C2 (MAKSIMA RM200,000)				RUMAH MUTIARAKU C3 (MAKSIMA RM300,000)			
		MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN
BUKIT TAMBUN	SPT	0	1	2	0	1	1	2	0	1	2	1	0	1	5	1	0	2	7	3	0
	SPU	0	0	1	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	1	3	5	0
	SPS	34	7	43	1	18	30	7	0	0	6	2	0	3	7	1	0	2	13	5	0
	DTL	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0	0	1	0	0	1	5	1	0
	DBD	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	7	1	0
Jumlah Keseluruhan	34	8	46	1	19	31	9	0	2	10	4	0	4	13	2	0	6	35	15	0	
		89				59				16				19				56			
		239																			

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

10. Huraikan status pembelian tanah untuk pembangunan Rumah Mampu Milik Bakat Baru Skyworld di Bandar Cassia.
- (a) Huraikan status syarat kelulusan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Jabatan-jabatan Teknikal.
 - (b) Bilakah fasa pembangunan dan tarikh jangkaan siap untuk fasa pertama?
 - (c) Huraikan harga jualan dan mekanisme agihan unit Rumah Mampu Milik Bakat Baru.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Status pembelian tanah bagi pembangunan Projek Rumah Bakat Baru MADANI (RBBM) yang diuruskan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah dimenangi secara tender *Request For Proposal* (RFP) oleh pemaju Skyworld.
- (a) Syarat kelulusan oleh MBSP dan Jabatan-jabatan Teknikal yang terperinci adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (b) Pembangunan fasa pertama akan bermula pada suku pertama tahun 2026 dan tarikh jangkaan siap adalah pada suku pertama tahun 2030.
 - (c) Hanya 20% dari keseluruhan unit adalah dikategorikan sebagai RMKu. Harga jualan bagi unit-unit ini telah ditetapkan sebanyak RM225,000.00. Walau bagaimanapun, hanya 30%

dari keseluruhan unit ini akan ditawarkan oleh LPNPP melalui Sistem Maklumat Perumahan. Baki 70% unit tersebut akan dijual kepada pasaran terbuka oleh PDC atau Skyworld Berhad. Harga jualan terperinci mengikut jenis rumah adalah seperti berikut:-

JENIS	HARGA JUALAN	UNIT
RBBM1 (20%)	RM225k	1,860 unit
	RM250k	4,340 unit
RBBM2 (40%)	RM350k	12,400 unit
RBBM2 (40%)	RM420k	12,400 unit

LAMPIRAN A

SYARAT KELULUSAN OLEH MBSP BAGI PEMBANGUNAN RUMAH BAKAT BARU MADANI (RBBM) DI BANDAR CASSIA, BATU KAWAN

Jabatan Perancang Bandar MBSP

- 1) Semua tanah untuk cadangan jalan dan parit hendaklah dibina dan diserahkan dengan percuma kepada kerajaan.
- 2) Semua tanah atau cadangan jalan dalaman tidak akan diambil alih oleh kerajaan dan pemaju / perbadanan pengurusan dikehendaki menyelenggara sendiri jalan tersebut.
- 3) Pelan-pelan jalan dan pamaritan yang mengandungi keperluan-keperluan JKR, JPS dan Jabatan Kejuruteraan MBSP hendaklah dikemukakan kepada jabatan-jabatan tersebut untuk pertimbangan sebelum permulaan kerja.
- 4) Pihak pemaju dikehendaki bertanggungjawab memastikan tapak cadangan pembangunan tersebut ditambun sekurang-kurangnya ke paras S.O.D. 2.13 meter atau seperti yang disyaratkan oleh Jabatan Kejuruteraan MBSP. Paras tanah tersebut hendaklah disahkan oleh Jurukur berlesen selepas kerja tambunan tanah selesai dijalankan.
- 5) Tapak untuk pencawang elektrik hendaklah dipindahmilik kepada TNB dengan bayaran namaan RM10.00 atau dipajak kepada TNB.
- 6) Dewan masyarakat, tadika dan pejabat pengurusan yang dicadangkan di dalam pembangunan yang mempunyai hakmilik berstrata hendaklah dijadikan harta bersama (*common properties*) dan dipindah milik kepada perbadanan pengurusan.

- 7) Pihak pemaju dikehendaki menyediakan tapak setor MBSP serta membina bangunannya. Tapak tersebut hendaklah dipagar, diratakan dan dibina parit-parit konkrit disekelilingnya sebelum dipindahmilik bersama bangunannya kepada MBSP dengan bayaran namaan RM1.00 sebelum borang F(Perakuan Siap dan Pematuhan)dikeluarkan oleh PSP (*Principal Submitting Person*).
- 8) Semua plot Kemajuan Masa Hadapan (KMH) hendaklah dipagar dan diselenggara dengan baik pada bila-bila masa oleh pihak pemaju.
- 9) Surau yang dicadangkan di dalam pembangunan yang mempunyai hakmilik berstrata hendaklah dibina, disiapkan dan diserahkan dalam Fasa Pertama skim perumahan tersebut.
- 10) Tapak untuk kawasan lapang hendaklah ditambun, diratakan, ditanam dengan rumput, diperindahkan, dilengkapi dengan alat-alat permainan kanak-kanak (seperti pelan Landskap yang diluluskan) dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri dengan percuma sebelum borang F (Perakuan Siap dan Pematuhan) dikeluarkan oleh PSP (*Principal Submitting Person*).
- 11) Kawasan lapang di dalam pembangunan yang mempunyai hakmilik berstrata kecuali hakmilik persendirian hendaklah disediakan mengikut pelan lanskap yang diluluskan dan dijadikan harta bersama (*common properties*) dan dipindahmilik kepada Perbadanan Pengurusan.
- 12) Pemaju tidak dibenarkan menjual tempat letak kenderaan yang disediakan untuk pelawat kepada pemilik rumah kediaman berstrata dan hendaklah dijadikan harta bersama (*common properties*) dan dipindahmilik kepada Perbadanan Pengurusan.
- 13) Pemaju tidak dibenarkan menjual tempat letak kenderaan yang disediakan untuk pelawat dan tempat letak kereta untuk OKU kepada pemilik rumah kediaman berstrata dan hendaklah dijadikan harta

bersama (*Common Properties*) dan diselenggara oleh Perbadanan Pengurusan.

- 14) Pihak pemaju adalah dikehendaki untuk membeli insuran untuk menjamin keselamatan orang ramai, harta benda dan juga bangunan-bangunan yang bersempadan sebelum kerja-kerja pembinaan dijalankan.
- 15) Pihak pemaju dikehendaki mengambil gambar bangunan-bangunan sediaada yang terdapat bersebelahan dengan tapak cadangan serta menyediakan "*Dilapidation Survey*" dan mengemukakan kepada Jabatan Bangunan MBSP serentak dengan Borang B (notis memulakan kerja).
- 16) Pihak PSP dan pemaju bertanggungjawab sepenuhnya menyelesaikan apa-apa masalah yang dibangkitkan sekiranya pembangunan yang dijalankan menimbulkan kacauganggu/ masalah kepada lot-lot berjiran.
- 17) Pihak pemaju dikehendaki menggunakan kaedah "*injection pile*" bagi semua kerja-kerja penanaman cerucuk.
- 18) Sebarang kerja-kerja pemajuan tidak boleh dimulakan di tapak sehingga kebenaran memulakan kerja diperolehi daripada MBSP.
- 19) Pihak pemaju dikehendaki membina parit konkrit utama tepi jalan berhadapan dengan lot-lot cadangan pembangunan serta memperbaiki dan menaikkan taraf parit konkrit tanah yang sedia ada sehingga ke tempat pengeluaran air terakhir untuk projek tersebut sebelum memulakan kerja tanah.
- 20) Pokok-pokok sedia ada (tidak mengira saiz) yang terdapat di atas bahu jalan/rezab jalan yang terlibat dengan pelebaran jalan, tidak boleh ditebang tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada MBSP terlebih dahulu.

- 21) Pihak pemaju dikehendaki mengemukakan pelan lanskap untuk pertimbangan MBSP.
- 22) Pihak pemaju dikehendaki memastikan kebersihan tapak binaan atau premis bangunan dan persekitaran dijaga dan diselenggara dengan baik untuk mengelakkan pembiakan nyamuk aedes.
- 23) Pihak pemohon dikehendaki mematuhi Seksyen 11 Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Akta 154) berserta syarat-syarat pematuhan yang dibuat di bawahnya.
- 24) Pihak perunding (PSP) dikehendaki menunjukkan dengan terperinci di atas pelan bangunan, pelan jalan dan parit (R&D) dan pelan lanskap cadangan laluan /aksesibiliti daripada tempat letak kereta OKU ke dalam dan luar bangunan / ke kawasan lapang / ke pondok perhentian bas dan lain-lain kemudahan.
- 25) Pihak pemaju dan perunding dikehendaki memastikan pembangunan ini perlu mematuhi “malaysian Standard (MS1184-2014) *Universal Design and Accessibility In The Built Environment – Code Of Practice*”.
- 26) Pihak pemaju dikehendaki mematuhi syarat yang ditetapkan bagi pembangunan berstrata sebagaimana yang termaktub dalam Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2016, Akta 1518 serta mematuhi Akta Pengurusan Strata 2013, Akta 757.
- 27) Semua pemajuan yang akan dipecah bahagi untuk pengeluaran hak milik strata bagi tujuan jualan, wajib memfailkan Jadual Petak kepada Pesuruhjaya Bangunan sebelum penjualan mana-mana petak.
- 28) Mana-mana petak atau ruang lantai di dalam bangunan ini yang tidak ditandakan / dicadangkan untuk dipecah sebagai hakmilik strata akan

dianggap sebagai hakmilik bersama (*common properties*) yang akan diselenggarakan oleh Perbadanan Pengurusan.

- 29) Pemaju dikehendaki memasang pagar / tembok di sekeliling kawasan pemajuan berstrata supaya had sempadan dapat dikenalpasti dan mudah untuk tujuan penyelenggaraan dan pengurusan.
- 30) Orang utama yang mengemukakan (PSP) hendaklah memastikan pemaju mengemukakan senarai pembeli kepada Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta seperti yang diperuntukan di bawah Seksyen 160 dan Seksyen 140, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) sebelum Borang F dikeluarkan.
- 31) Kelulusan adalah tertakluk kepada ulasan jabatan teknikal berkaitan. Majlis berhak membatalkan kelulusan yang diberi sekiranya syarat-syarat kelulusan gagal dipatuhi oleh pemohon.
- 32) Pihak pemohon dikehendaki menyediakan petak OKU secara khas (*dedicated bay*) dengan kelebaran minima 5400mm x 3600mm termasuk 'transfer area' dan dibezakan dari petak umum menggunakan tanda, simbol dan warna. Simbol dan garis sempadan warna putih di atas latar belakang warna biru (Biru Seamaster Neptune 9331: Kod 9300H).
- 33) Pihak pemaju digalakkan untuk menggunakan teknologi '*Interlocking Brick Pavement*' bagi mengurangkan air larian permukaan semasa hujan dan secara langsung membantu mengurangkan kekerapan banjir kilat.
- 34) Pihak pemaju tidak dibenarkan untuk melaksanakan atau terlibat dengan cadangan atau sebarang skim yang membenarkan pemaju perumahan untuk memberi pinjaman perumahan kepada bakal pembeli unit kediaman bagi pemajuan yang dikemukakan ini. Sekiranya pemaju didapati melanggar prosedur ini. Pihak MBSP

berhak untuk menarik balik atau membatalkan permohonan atau kelulusan Kebenaran Merancang yang telah diberikan.

- 35) Pemaju dikehendaki membaiki semula segala kerosakan yang berlaku ke atas jalan dan parit semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan.
- 36) Pihak pemaju dikehendaki memastikan bahawa semua utiliti bawah tanah baharu yang dipasang melalui pengorekan terbuka atau melalui pengerudian berarah (*Horizontal Directional Drilling*; HDD) diukur oleh jurukur tanah bertauliah yang dilantik semasa pemasangannya. Jurukur bertauliah yang dilantik dikehendaki mengemukakan semua maklumat utiliti bawah tanah dalam bentuk data digital dan pelan utiliti yang memenuhi spesifikasi JUPEM kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan sebelum CCC dikeluarkan oleh PSP.
- 37) Pihak PSP tidak boleh memperakukan CCC untuk pembangunan ini sehingga semua jalan dan rezab kerajaan telah diserahkan percuma kepada kerajaan dan Salinan Hakmilik terkini telah pun dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
- 38) Pemaju dikehendaki melengkapkan bangunan dengan sistem penuaian air hujan (SPAH).
- 39) Pemaju dikehendaki menggunakan produk peranti penjimatan air (WSD) yang mematuhi standard dan spesifikasi yang ditetapkan oleh PBAPP di dalam PBAPP *Specification For Water Efficient Products*.
- 40) Pemaju dikehendaki mematuhi *Green Building Index* (GBI) bagi pembangunan ini sekurang-kurangnya bertaraf “*certified*”.
- 41) Pemaju dikehendaki menggunakan bebendul jalan jenis ‘*semi mountable kerb*’.

- 42) Pemaju dikehendaki menyediakan sistem perparitan secara tertutup dan spesifikasinya perlu dinyatakan secara terperinci di dalam pelan parit dan jalan (R&D).
- 43) Pihak pemaju dikehendaki memperuntukan sekurang-kurangnya 30% Kuota Bumiputera kepada pembeli Bumiputera bagi pemajuan perumahan / perniagaan yang melebihi 4 unit ke atas dengan pengurangan harga 5% daripada harga jualan sebenar.
- 44) Pemaju dikehendaki menyediakan tapak tanah sekolah seluas 12 ekar untuk diserahkan kepada Kerajaan. Tapak tersebut hendaklah diratakan, dipagar dan dipasang papan tanda serta kos yang terlibat untuk penyediaan tapak sekolah ditanggung sepenuhnya oleh pemaju.
- 45) Pemaju dikehendaki menjelaskan bayaran sumbangan berjumlah RM 2,000,000.00 kepada MAINPP untuk penyediaan laluan masuk tapak masjid dan menjelaskan bayaran sumbangan bagi beza baki tapak surau yang tidak disediakan berjumlah RM 967,500.00.
- 46) Pemaju dikehendaki menyediakan tapak RIBI dengan keluasan 2 ekar. Tapak tersebut hendaklah ditambun ke paras minima seperti yang disyaratkan oleh Jabatan Kejuruteraan MBSP diratakan, diturap dan dipagar serta dipindahmilik kepada MBSP dengan bayaran namaan RM1.00 sebelum borang F(Perakuan Siap dan Pematuhan) dikeluarkan oleh PSP (*Principal Submitting Person*).
- 47) Pihak pemaju dikehendaki mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) berasingan untuk cadangan 200 unit gerai tertutup (dengan pintu roller shutter) bagi keseluruhan pembangunan ini.
- 48) Pemaju dikehendaki menyerahkan 3 ekar tanah kepada MBSP bagi pembinaan gerai baharu pada masa hadapan setelah rundingan pembelian tanah daripada PDC dimuktamadkan.

- 49) Pihak pemaju dikehendaki mematuhi keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) bil.2/2025 pada dan disahkan pada 15.1.2025, semua Rumah Bakat Baru Madani (RBBM) yang disediakan oleh pemaju hendaklah dijual dengan harga :-
- (i) RBBM 1 : (900 kp) RM 225,000.00 – RM 247,500.00
 - (ii) RBBM 2 : (900 kp) RM 350,000.00
 - (iii) RBBM 3 : (900 kp) RM 420,000.00
- 50) Penetapan harga RBBM ini hendaklah dikekalkan sehingga semua fasa pembangunan siap dilaksanakan.
- 51) Pemaju dikehendaki memperuntukkan 20% RBBM 1 dibawah nilai RM 250,000.00 sepertimana kelulusan MMK bil.3/2025 pada dan disahkan pada 22.1.2025.
- 52) Pemaju dikehendaki membayar caruman pamaritan dengan kadar 10% daripada RM 8,075,000.00 berjumlah RM 807,500.00 dan dibayar mengikut fasa pembangunan atau tertakluk kepada pengiraan Jabatan Kejuruteraan.
- 53) Pihak pemaju dikehendaki mematuhi semua mitigasi yang disyorkan di dalam Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA).
- 54) Pihak pemaju dikehendaki mematuhi semua syarat dan kehendak yang dinyatakan di dalam Laporan TIA dan RSA.
- 55) Pihak pemaju dikehendaki mematuhi semua syarat dan kehendak daripada Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN).

56) Pihak pemaju dikehendaki mematuhi semua syarat dan kehendak Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) bil.2/2025 dan bil.3/2025.

Jabatan Bangunan MBSP

- 1) Mematuhi & menunaikan semua syarat pelan kebenaran merancang serta semua syarat jabatan teknikal dan dicatitkan di atas pelan bangunan.
- 2) Rekabentuk bangunan hendaklah bercirikan '*green building*' dan sekurang-kurangnya '*GBI Certified*'.
- 3) Dapatkan surat pengesahan aras tambunan tanah dari Jabatan Kejuruteraan dan pastikan pelan kerja tanah diluluskan sebelum mula kerja. Untuk mengelak banjir kilat, kerja tanah, perparitan & jalan perlu disiapkan mengikut spesifikasi sebelum kerja bangunan dimulakan.
- 4) Depositkan pelan struktur/sanitari dalaman sebelum mula kerja serta kemukakan Borang B, G1 G21 secara berperingkat semasa pembinaan & Borang F setelah siap pembinaan.
- 5) Kemukakan pelan '*setting out*' daripada Juruukur Bertauliah.
- 6) Sediakan papan tanda projek lengkap maklumat pemaju, arkitek, jurutera, alamat, no.telefon, kelulusan pelan serta kemukakan permit untuk binaan sementara dan adakan "*hoarding*" untuk keselamatan pembinaan di tapak.
- 7) Menjaga kebersihan kawasan pembinaan, rumah pekerja dan kemudahan tandas. Pastikan bahan/sisa binaan tidak mengganggu jiran, lalulintas & persekitaran. Semua bahan/sis binaan diletak dalam lot. Sisa binaan luar lot diletakkan dalam tong roro.

- 8) Tubuhkan pasukan pencegah denggi untuk tugas pemusnahan tempat pembiakan nyamuk, “*fogging*” dan program pendidikan.
- 9) Kawal kelajuan kenderaan dan pencemaran habuk dengan membasahkan jalan serta elakkan mengguna jalan pendudukan. Kenderaan perlu ditutup bagi mengelakkan bahan/sisi binaan jatuh atas jalan. ‘*Tyre bath*’ disediakan di pintu keluar/masuk tapak binaan.
- 10) Pastikan kontraktor patuhi Akta Kilang & Jentera 1967, Akta Keselamatan & Kebersihan Pekerjaan 1994 & di bawah Akta CIDB (Akta 520).
- 11) Sediakan keperluan OKU patuhi piawaian MS 1184, MS 1183, MS 1331 & MS 2015.
- 12) Pemaju hendaklah menggunakan produk peranti penjimatan air (WSD) yang mematuhi standard dan spesifikasi yang ditetapkan oleh PBAPP bagi sistem sanitari dalaman dan luaran.
- 13) Pelan bangunan ini perlu mematuhi garis panduan Eco City Batu Kawan.
- 14) Permohonan ini hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-
 - (i) Mengemukakan surat pendaftaran GBI sebelum pelan lulus dikeluarkan.
 - (ii) Mengemukakan Design Assessment GBI sebelum Borang F (CCC) dikeluarkan atau serentak bersama-sama CCC.
 - (iii) Mengemukakan Certificate Design Assessment GBI dalam tempoh satu tahun dari tarikh CCC dikeluarkan
- 15) Tempat letak kenderaan bertingkat hendaklah mematuhi Sek.71, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 dan perkiraannya ditunjukkan dalam Pelan Konkrit Tetulang.

- 16) Digalakkan rekabentuk bangunan ini hendaklah mempunyai ciri-ciri / elemen *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED).
- 17) Keperluan berkaitan pembuangan/kutipan sampah dan kitar semula hendaklah mematuhi garispanduan oleh Jabatan Perkhidmatan Perbandaran.
- 18) Pemaju hendaklah mematuhi syarat-syarat kelulusan Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Bomba sebelum Borang F (CCC) dikeluarkan. Sebarang pindaan hendaklah dikemukakan semula untuk pertimbangan pihak Majlis.

Jabatan Kejuruteraan MBSP

- 1) Melaksanakan penambahbaikan infrastruktur jalan seperti berikut:

Pelan Jangka Masa Pendek (2027)

- (a) Melaksanakan pelebaran Jalan Bukit Tambun dari Persimpangan Plaza Tol (S) Selatan hingga ke persimpangan Jalan Perindustrian Bukit Minyak kepada lapan (8) lorong dua (2) hala.
- (b) Mencadangkan tiga (3) lorong terus dari 'flyover' Jalan Bukit Tambun hingga ke Persimpangan Jalan Perindustrian Bukit Minyak.
- (c) Membina '*dedicated*' U-Turn kepada taraf JKR sebelum Persimpangan Jalan Perindustrian Bukit Minyak

Pelan Jangka Masa Panjang (2030)

- (a) Menaiktaraf Persimpangan Lebuhraya Bandar Cassia / Jalan Cassia Barat 1 (J2) kepada persimpangan bertingkat (*diamond interchange*).
 - (b) Menaiktaraf Persimpangan Lebuhraya Bandar Cassia / Jalan Batu Kawan (J1) dengan pembinaan jejambat belok kanan.
 - (c) Menaik taraf Persimpangan Jalan Batu Kawan / Jalan Batu Kawan 1 (J7) kepada persimpangan bertingkat (*flyover*).
 - (d) Menaiktaraf Persimpangan Jalan Batu Kawan / Jalan Bukit Tambun (J9) kepada persimpangan bulatan dengan cadangan '*Elevated U-Turn*' dan '*Right Turn Ramp*'.
 - (e) Menaiktaraf persimpangan Jalan Bukit Tambun / Jalan Perindustrian Bukit Minyak dengan '*Dedicated U-Turn*' dan '*Right Ramp*' ke arah Batu Kawan.
 - (f) Menaiktaraf Jalan Perindustrian Valdor dengan pelebaran '*flyover*' kepada empat (4) lorong dan pembinaan '*U-Turn*' di bawah '*flytover*' bagi kedua-dua arah.
- 2) Membina jejantas pejalan kaki di Jalan Cassia Barat 1.
- 3) Membina Parit perimeter dan parit monsoon hingga ke pengaliran terakhir yang dibenarkan sepertimana di dalam pelan induk pamaritan Bandar Cassia.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

11. Nyatakan jajaran muktamad projek LRT Laluan Mutiara.
- (a) Huraikan status pengambilan tanah.
 - (b) Huraikan jajaran sambungan antara bahagian Pulau dengan Penang Sentral.
 - (c) Jelaskan kelulusan-kelulusan yang diperlukan MBPP dan Jabatan-jabatan Teknikal untuk permulaan projek ini.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. LRT Laluan Mutiara merupakan jajaran bertingkat sepanjang 29.5 km yang akan menghubungkan kawasan utama Pulau Pinang dan Seberang Perai bermula dari Pulau Silikon ke Komtar dan Penang Sentral. Sebanyak 20 stesen ditempatkan secara strategik untuk menghubungkan kawasan-kawasan utama seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, FIZ, SPICE, Penang Waterfront, KOMTAR dan Penang Sentral.
- (a) Status terkini projek LRT adalah di dalam proses pengambilan tanah dan telah diwartakan di bawah Seksyen 8 di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 pada 10 April 2025. Lot-lot yang terlibat dengan pengambilan tanah untuk Segmen 1 iaitu dari Komtar ke Permatang Damar Laut.

Kebenaran mengguna melibatkan 86 lot tanah-tanah kerajaan telah diberikan kepada MRTC. Seterusnya, proses siasatan di bawah seksyen 12 Akta Pengambilan Tanah (APT 1960) akan dijalankan untuk mengenal pasti pihak berkepentingan yang akan terlibat. Proses siasatan ini akan dijalankan dalam tempoh yang terdekat memandangkan pewartaan Seksyen 8, APT 1960 telah diwartakan pada 10 April 2025.

Kuantum pampasan akan dapat dimuktamadkan setelah proses siasatan di bawah seksyen 12, APT 1960 ke atas semua pihak berkepentingan diselesaikan.

- (b) Penjajaran akan bermula dari Pulau Silikon yang merangkumi dua stesen terminus, iaitu di KOMTAR dan Penang Sentral. Kedua-dua laluan ini akan beroperasi secara selari menerusi penjadualan bergilir (alternate schedule) untuk memastikan perjalanan yang lebih lancar dengan masa perjalanan yang optimum.

Kedua-dua perkhidmatan tren akan melalui sebanyak 19 stesen di sepanjang jajaran utama dari Pulau Silikon hingga ke Macallum sebelum laluan bercabang secara berasingan ke Komtar atau Penang Sentral.

- (c) Beberapa kelulusan utama diperlukan daripada pihak berkuasa tempatan serta jabatan teknikal berkaitan untuk pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut:
 - (i) Bagi pembinaan jajaran bertingkat, kelulusan yang diperlukan adalah Kebenaran Merancang secara rundingan di bawah Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) di bawah Jabatan Perancang Bandar dan Desa Pulau Pinang (PLANMalaysia);
 - (ii) Kelulusan pelan kerja tanah, pelan infrastruktur, kajian impak trafik, pelan pengurusan trafik dan lain-lain permit adalah melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR);
 - (iii) Bagi pembinaan struktur stesen dan lain-lain fasiliti berkaitan LRT, Kebenaran Merancang di bawah seksyen

21, pelan bangunan, pelan kerja tanah, pelan saliran, pelan jalan dan perparitan dan lain-lain permit yang berkaitan adalah melalui MBPP dan MBSP.

- (iv) Dari sudut Pentadbiran Tanah, antara kelulusan yang diperlukan adalah termasuk :
 - 1) kelulusan pelupusan tanah kerajaan, sama ada melalui pemberimilikan atau kaedah pelupusan yang sesuai bagi membolehkan tanah digunakan untuk tujuan pembangunan infrastruktur awam;
 - 2) kelulusan pembangunan tanah, merangkumi perubahan syarat, pecah sempadan atau penyatuan lot, serta pelaksanaan aktiviti pembangunan lain mengikut peruntukan KTN; dan
 - 3) kelulusan pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi lot-lot tanah persendirian yang diperlukan untuk kepentingan awam.
- (v) Selain itu, pemindahan utiliti juga melibatkan agensi-agensy utiliti yang berkaitan seperti Perbadanan Bekalan Air Pulau Pulau Pinang (PBAPP), Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP) dan lain-lain syarikat utiliti yang berkaitan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

12. Huraikan status tebus guna Penang Silicon Island (PSI).
- (a) Jelaskan jajaran jambatan dan laluan LRT dari Batu Maung ke PSI.
 - (b) Nyatakan keluasan tanah tebus guna yang bakal diserahkan kepada Kerajaan Negeri dan cadangan pemajuan.
 - (c) Huraikan cadangan komponen pemajuan terkini untuk PSI dan jangkaan tarikh penjualan.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Pulau Silikon mempunyai keluasan sebanyak 2,300 ekar. Kerja-kerja penambakan terbahagi kepada dua (2) fasa di mana fasa satu (1) melibatkan kerja-kerja tebus guna tanah seluas 1,260 ekar manakala fasa dua (2) akan melibatkan baki sebanyak 1,040 ekar. Tempoh penambakan akan mengambil masa 10 hingga 15 tahun untuk disempurnakan.

Sehingga 30 April 2025, seluas 150 ekar tanah telah ditambah sejak bermulanya kerja penambakan secara fizikal pada September 2023.

- (a) Berdasarkan kepada Pelan Induk Bagi Projek Tebus guna Tanah Selatan Pulau Pinang, Daerah Barat Daya, yang telah diluluskan, Pulau Silikon mempunyai tiga (3) laluan masuk utama iaitu:

- (i) Laluan masuk pertama adalah melalui jambatan penghubung antara Permatang Damar Laut ke Pulau Silikon melalui Lebuhraya *Pan Island Link 2A* (PIL 2A);
 - 1) PIL2A adalah jajaran sepanjang 3.5 kilometer yang dicadangkan bagi menghubungkan bahagian Pulau sedia ada ke kawasan pembangunan Pulau Silikon. Pembinaan PIL2A akan dilaksanakan secara berfasa di mana jajaran Fasa 1 adalah sepanjang 1.5 kilometer bermula dari Jalan Permatang Damar Laut untuk menghubungkan Pulau Silikon melalui sebuah jambatan.
 - (ii) Jajaran masuk kedua adalah melalui jajaran Jambatan *Airport Link Road*; dan
 - 1) Jajaran *Airport Link Road* ke Pulau Silikon adalah sepanjang 1.5 kilometer di mana jajarannya akan bermula dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ke Pulau Silikon yang akan melalui laluan berhampiran Kg Binjai di Permatang Damar Laut dengan sebuah jambatan penghubung.
 - (iii) Laluan masuk ketiga adalah menggunakan jajaran LRT Pulau Pinang, Laluan Mutiara (MLLRT) dari stesen Permatang Damar Laut ke Pulau Silikon.
- (b) Projek Pembangunan Bercampur di Atas Tebus Guna Tanah Selatan Pulau Pinang A (Silicon Island) seluas 2,300 ekar adalah projek Kerajaan Negeri Pulau Pinang di kawasan selatan pulau sedia ada di mana Silicon Island Development Sdn. Bhd. (SIDSB) telah dilantik sebagai pemaju projek oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara usahasama.

Pelan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan mempunyai perancangan bagi keluasan tanah milik Kerajaan Negeri dan kegunaannya adalah seperti berikut :

BIL	GUNA TANAH	KELUASAN (EKAR)
1	PERUMAHAN	52.75
	Rumah Mampu Milik	52.75
2	KOMERSIL	10.72
	Komersil (State Administration Center)	4.98
	Komersil khas	5.74
3	KEMUDAHAN AWAM / MASYARAKAT	68.47
	Sekolah Rendah	15.03
	Sekolah Menengah	25.30
	Balai Polis	4.92
	Balai Bomba	5.09
	Masjid	11.00
	Rumah Ibadat Bukan Islam	3.50
	City Command Centre	1.27
	Pasar dan Medan Selera	2.36
4	KAWASAN LAPANG DAN REKREASI	385.80
	Taman Bandar	2.31
	Persiaran (40m) / Pantai (60m)	149.54
	Kawasan Lapang (Taman Awam, Taman Jajaran, Green Swale, Flood Plain, Rizab Parit, Water Navigable)	233.95
5	INFRASTRUKTUR DAN UTILITI	530.41
	Tangki Air	12.49
	Pencawang Masuk Utama (PMU)	15.81
	Pencawang Pembahagi Utama (PPU)	9.13
	Pencawang Elektrik (PE)	0.12
	Stesen Pam	1.33
	Telekomunikasi	2.74
	Loji Rawatan Kumbahan	0.36
	Rainfall Station	16.74
	Pigging Station	0.03
	Depoh Bas	4.53
	Pusat Pemulihan Sumber	2.74
Jalan Raya	464.39	

6	PENGANGKUTAN	72.42
	Hub Pengangkutan (Depoh)	72.42
JUMLAH		1,120.57

(c) Cadangan komponen pemajuan terkini bagi Pulau Silikon yang merupakan fasa keutamaan projek PSI adalah pembangunan bercampur berkonsepkan bandar hijau dan pintar. Projek strategik ini mempunyai komponen-komponen utama seperti berikut:

- (i) Pembangunan infrastruktur, kawasan biru-hijau;
- (ii) Kemudahan awam seperti hospital, sekolah dan pusat riadah;
- (iii) Kawasan Perindustrian;
- (iv) Perumahan termasuk jenis mampu milik;
- (v) Pembangunan bercampur; dan
- (vi) Komersial (merangkumi ruang pejabat, institusi pendidikan, pusat membeli belah dan hiburan, hotel).

Taman perindustrian teknologi tinggi yang dikenali sebagai *Green Tech Park* merupakan pembangunan utama di Pulau Silikon dan memainkan peranan penting sebagai pemangkin ekonomi, penjana hasil serta pencipta peluang pekerjaan bagi Pulau Pinang.

Zon komersial fasa pertama dengan rancangan pembinaan GBS Campus, yang merupakan menara pejabat ulung di Pulau Silikon akan menyediakan ruang komersial dilengkapi kemudahan bertaraf antarabangsa yang akan menarik pelaburan daripada sektor penyelidikan dan pembangunan (research & development) perkhidmatan perniagaan global (global business services (GBS), institusi pendidikan dan hab inovasi yang penting bagi menyokong industri E&E serta sektor berkaitan.

Aktiviti pemasaran sedang giat berjalan dengan tumpuan kepada pemain-pemain industri serta pemaju tempatan dan luar

negara. Setakat ini, pihak SIDSB telah menerima surat tunjuk minat (expression of interest) daripada beberapa syarikat tempatan dan antarabangsa bagi tanah industri, komersial dan perumahan. Proses penjualan tanah Pulau Silikon dijangka akan bermula pada suku ke-empat tahun ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

13. Huraikan kelulusan tebus guna di pesisiran pantai Penang World City (PWC).
- (a) Jelaskan pemilikan tanah tebus guna di PWC.
 - (b) Huraikan status kerja-kerja tebus guna di PWC.
 - (c) Huraikan pendapatan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri dan PDC dalam projek tebus guna ini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. Projek Penang World City (PWC) telah menerima kelulusan Pelan Kebenaran Merancang bagi kerja-kerja tebus guna pada 12 Ogos 2021, manakala kelulusan untuk memulakan kerja (*Commencement of Work - C.O.W*) diperolehi pada 24 Februari 2022.
- (a) Pada peringkat awal, tanah tebus guna seluas 35 ekar telah dijual kepada Ivory Properties Group Berhad (IPGB) melalui Perjanjian Pembelian dan Pembangunan (*Purchase and Development Agreement - PDA*) yang dimeterai pada tahun 2011. Projek ini kini dimiliki oleh Mutiara Metropolis Sdn. Bhd.
 - (b) Sehingga April 2025, kerja-kerja tebus guna di kawasan projek telah mencapai tahap kemajuan sebanyak 62%.

- (c) Kerajaan Negeri telah memperoleh hasil berjumlah RM1.072 bilion daripada projek tebus guna ini. Berdasarkan ketetapan yang telah dipersetujui, Kerajaan Negeri bersetuju untuk membahagikan hasil tersebut dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) mengikut nisbah 60 (Kerajaan Negeri) : 40 (PDC).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

14. Jelaskan status kelulusan Pintasan Sungai Bakap.
- (a) Apakah status perancangan dan reka bentuk Pintasan Sungai Bakap?
 - (b) Nyatakan pihak bertanggungjawab untuk melaksanakan projek ini.
 - (c) Huraikan projek menaik taraf jalan dan persimpangan dari Seksyen 727.100 ke 735.100, Jalan Persekutuan FT001.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Cadangan Jalan Pintasan Sungai Bakap telah dibentangkan dan mendapat kelulusan konsep daripada pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia pada bulan November 2024.
- (a) Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) kini sedang dalam proses penyediaan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) bagi permohonan pelaksanaan kerja awalan (Kajian Trafik).
 - (b) Pihak yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan projek ini adalah JKRPP.
 - (c) Cadangan Projek Naik Taraf Laluan Persekutuan FT001 dari Persimpangan Permatang Keling (Sek. 720) ke Jambatan di Atas Sungai Junjung (Sek. 740), Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan (Menaik Taraf Jalan dan Persimpangan dari Seksyen 735.000-731.400 dan Seksyen 729.100-727.100) telah dikemukakan dalam permohonan *Rolling Plan* Pertama Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RP1 RMK-13) dan merupakan keutamaan dalam senarai *wishlist* di bawah Program Pembangunan bagi Kementerian Kerja Raya (KKR).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

15. Senaraikan fasiliti kesihatan yang disediakan di Hospital Sungai Bakap.
- (a) Nyatakan jumlah katil mengikut fasiliti atau jenis wad.
 - (b) Huraikan jumlah tenaga perubatan, pengurusan dan sokongan.
 - (c) Huraikan status penaiktarafan Hospital Sungai Bakap.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. (a) Jumlah katil mengikut fasiliti atau jenis wad di Hospital Sungai Bakap adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Manakala jumlah tenaga perubatan, pengurusan dan sokongan di Hospital Sungai Bakap adalah sejumlah 845 orang dan perincian adalah seperti **LAMPIRAN B**.
- (c) Status penaiktarafan Hospital Sungai Bakap adalah seperti berikut:
- (i) Kerja-karya penyelenggaraan dan pembaikan pagar bersebelahan klinik pakar serta lain-lain kerja berkaitan di Hospital Sungai Bakap;
 - (ii) Kerja-karya pembaikan tiga (3) buah ambulan dan lain-lain kerja yang berkaitan di Hospital Sungai Bakap;

- (iii) Kerja-kerja penyelenggaraan pendawaian *network cable cat* dan *fiber optik armored cable* untuk *LAN networking* di Hospital Sungai Bakap;
- (iv) Kerja-kerja pembaikan lantai mendap, perpaipan dalaman dan lapisan kalis air di bangunan wad empat (4) serta kerja-kerja lain berkaitan di Hospital Sungai Bakap;
- (v) Kerja-kerja penambahbaikan dinding individu stor kepada jenis rintangan api di blok wad-wad/klinik serta kerja-kerja berkaitan di Hospital Sungai Bakap;
- (vi) Kerja-kerja penambahbaikan *fire alarm* dan sistem *hose reel* sedia ada di Hospital Sungai Bakap;
- (vii) Kerja-Kerja naik taraf sistem gas perubatan jenis vakum (*suction*) fasa 1 termasuk bilik loji dan lain-lain kerja yang berkaitan di Hospital Sungai Bakap; dan
- (viii) Kerja-kerja naik taraf dan penyelenggaraan Kuarters Hospital Sungai Bakap.

Berhubung dengan cadangan pembangunan blok bangunan baharu Hospital Sungai Bakap, Jawatankuasa Tanah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah meluluskan cadangan pembangunan tersebut. Lanjutan daripada itu, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) akan mengemukakan permohonan secara rasmi kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhubung cadangan pembangunan tersebut.

LAMPIRAN A

JUMLAH KATIL DI HOSPITAL SUNGAI BAKAP

WAD	DISPLIN	BIL KATIL
WAD 1	MEDIKAL	18
(MULTIDISPLIN PEREMPUAN)	SURGIKAL	3
	ORTHOPEDIK	2
	RESPIRATORI	2
	NEPHROLOGI	3
	JUMLAH	28
WAD 3	MEDIKAL LELAKI	6
(MEDIKAL KRONIK PEREMPUAN & LELAKI	NEPHROLOGI LELAKI	4
NEPHRO PEREMPUAN & LELAKI	MEDIKAL PEREMPUAN	2
GERIATRIK PEREMPUAN & LELAKI)	NEPHROLOGI PEREMPUAN	2
	GERIATRIK LELAKI	2
	GERIATRIK PEREMPUAN	2
	JUMLAH	18
WAD 4	OBSTETRIK	2
OBSTETRIK&GINEKOLOGI (O&G)	GINEKOLOGI	3
	JUMLAH	5
PEDIATRIK	PEDIATRIK	5
	NEONATAL	5
	JUMLAH	10
	JUMLAH KATIL WAD 4	15
WAD 5	MEDIKAL	30
(MULTIDISPLIN LELAKI)	SURGIKAL	3
	ORTHOPEDIK	2
	RESPIRATORI	6
	NEPHROLOGI	3
	JUMLAH	44
JUMLAH KESELURUHAN		105

LAMPIRAN B**RINGKASAN PERJAWATAN DAN PENGISIAN MENGIKUT PROGRAM
(SEHINGGA 31 MAC 2025)****HOSPITAL SUNGAI BAKAP**

BIL.	JAWATAN	GRED	PROGRAM 2		
			J	I	K
	A. PENGURUSAN & PROFESIONAL				
1	Pengarah Hospital, Pegawai Perubatan	UD43/44/47/48/51/52/53/54	1	1	0
2	Pakar Perubatan Kecemasan, Pegawai Perubatan	UD47/48/51/52/ 53/54/ Pakar UD55/56	1	1	0
3	Pentadbir / Klinikal, Pegawai Perubatan	UD43/44/47/48/51/52/53/54	39	36	3
4	Pentadbir / Klinikal, Pegawai Perubatan	UD43/44/47/48	6	6	0
5	Pegawai Dietetik	U41/U44	1	1	0
6	Pegawai Farmasi	UF41/44/48/52/54	27	27	0
7	Pegawai Teknologi Maklumat	F41/F44	1	1	0
8	Pegawai Kerja Sosial Perubatan	S41/S44	1	1	0
9	Pegawai Optometri	U41/U44	1	1	0
10	Pegawai Sains (Kimia Hayat)	C41/C44	1	1	0
	JUMLAH		79	76	3
	B. PARAMEDIK & AUKSILIARI				
1	Jururawat	U41/U42/U44	1	1	0
2	Jururawat	U36	2	2	0
3	Jururawat	U32/U36	15	15	0
4	Jururawat	U29/U32	75	72	3
5	Jururawat Masyarakat / Jururawat	U19/U24/U26/U29/U32/U36	0	0	0
6	Penolong Pegawai Perubatan	U36	1	1	0
7	Penolong Pegawai Perubatan (TBK 2)	U32/U36	5	5	0
8	Penolong Pegawai Perubatan (TBK 1 dan TBK 2)	U29/U32/U36	24	24	0
9	Juru X-Ray (Diagnostik)(TBK 2)	U32/U36	1	1	0
10	Juru X-Ray (Diagnostik)(TBK 1 dan TBK 2)	U29/U32/U36	4	4	0
11	Jurupulih Perubatan Carakerja (TBK 2)	U32/U36	1	1	0
12	Jurupulih Perubatan Carakerja (TBK 1 dan TBK 2)	U29/U32/U36	2	2	0
13	Jurupulih Perubatan Fisioterapi (TBK 1 dan TBK 2)	U29/U32/U36	3	3	0
14	Juruteknologi Makmal Perubatan (TBK 2)	U32/U36	3	3	0

BIL.	JAWATAN	GRED	PROGRAM 2		
			J	I	K
15	Juruteknologi Makmal Perubatan (TBK 1 dan TBK 2)	U29/U32/U36	7	6	1
16	Penolong Pegawai Farmasi (TBK 2)	U32/U36	1	1	0
17	Penolong Pegawai Farmasi (TBK1 dan TBK 2)	U29/U32/U36	5	5	0
18	Jururawat Masyarakat (TBK 1 dan TBK 2)	U24/U26	1	1	0
19	Jururawat Masyarakat (TBK 1 dan TBK 2)	U19/U24/U26	30	25	5
20	Jururawat Masyarakat, Gred U19/U24 (TBK 13 Tahun) Jawatan Jumud, Khas Untuk Penyandang	U19/U24	1	0	1
JUMLAH			182	172	10
C. GUNASAMA & SOKONGAN					
1	Penolong Akauntan (TBK 1 dan TBK 2)	W29/W32/W36	1	1	0
2	Penolong Akauntan, Gred W29/W32 (TBK 13 Tahun), Khas Untuk Penyandang, Jawatan Hakiki Pembantu Tadbir (Kewangan), Gred W19/W22 (TBK 13 Tahun)	W29	3	3	0
3	Penolong Pegawai Penyediaan Makanan (TBK 1 dan TBK 2)	C29/C32/C36	1	1	0
4	Penolong Pegawai Penyediaan Makanan, Gred C29/C32, Khas Untuk Penyandang Jawatan Hakiki Pembantu Penyediaan Makanan, Gred N19/N22	C29	3	3	0
5	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (TBK 1 dan TBK 2)	FA29/FA32/FA38	1	1	0
6	Penolong Pegawai Tadbir (TBK 1 dan TBK 2)	N29/N32/N36	2	2	0
7	Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)(TBK 1 dan TBK 2)	N29/N32/N36	1	1	0
8	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) / Penolong Jurutera (TBK 1 dan TBK 2)	JA29/JA30/JA36/JA38	1	1	0
9	Pembantu Tadbir (Kewangan) (TBK 2)	W22/W26	2	1	1
10	Pembantu Tadbir (Kewangan)(TBK 1 dan TBK 2)	W19/W22/W26	4	3	1
11	Pembantu Tadbir (Stor)(TBK 1 dan TBK 2)	N19/N22/N26	2	2	0
12	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)(TBK 2)	N22/N26	2	2	0
13	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)(TBK 1 dan TBK 2)	N19/N22/N26	14	13	1
14	Pembantu Tadbir (Rekod Perubatan)(TBK 1 dan TBK 2)	N19/N22/N26	2	2	0
15	Penyelia Asrama (TBK 1 dan TBK 2)	N19/N22/N26	1	1	0
16	Pegawai Khidmat Pelanggan (TBK 1 dan TBK 2)	N19/N22/N26	5	5	0

BIL.	JAWATAN	GRED	PROGRAM 2		
			J	I	K
17	Pembantu Penyediaan Makanan (TBK 1 dan TBK 2)	N19/N22/N26	7	6	1
18	Tukang Masak, Khas Untuk Penyandang Gred N1/N4 (TBK 13 Tahun) Jawatan Hakiki Pembantu Penyediaan Makanan, Gred N19/N22 (TBK 13 Tahun)	N1/N4	7	7	0
19	Pembantu Perawatan Kesihatan (TBK 1 dan TBK 2)	U11/U14/U16	73	71	2
20	Pembantu Operasi (TBK 1 dan TBK 2)	N11/N14/N16	4	4	0
21	Pemandu Kenderaan (TBK 1 dan TBK 2)	H11/H14/H16	21	21	0
22	Pembantu Awam, Gred H11 Khas Untuk Penyandang Jawatan Hakiki Pembantu Awam, Gred H14(TBK 2)	H11/H14/H16	1	1	0
23	Pembantu Awam (TBK 1 dan TBK 2)	H11/H14/H16	3	3	0
24	Operator Otokleb, Pekerja Awam Khas, Gred R3/R6 (TBK 13 Tahun) Jawatan jumud, Khas untuk Penyandang, Jawatan Hakiki Pembantu Awam, Gred H11/H14 (TBK 1 dan TBK 2)	R3/R6	1	1	0
JUMLAH			162	156	6
JUMLAH KESELURUHAN			423	404	19

	J	I	K
PENGURUSAN TERTINGGI	0	0	0
PENGURUSAN & PROFESIONAL	79	75	3
SOKONGAN 1	234	220	14
SOKONGAN 2	110	108	2
JUMLAH KESELURUHAN	423	403	19

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

16. Senaraikan semua klinik kesihatan di SPS.
- a) Huraikan jumlah tenaga perubatan, pengurusan dan sokongan di setiap klinik.
 - (b) Apakah status projek pembinaan Klinik Bandar Tasek Mutiara?
 - (c) Huraikan status Columbia Asia Hospital di Batu Kawan.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Senarai Klinik Kesihatan di Seberang Perai Selatan adalah seperti berikut:
- (i) Klinik Kesihatan Bandar Tasek Mutiara
 - (ii) Klinik Kesihatan Bukit Panchor
 - (iii) Klinik Kesihatan Nibong Tebal
 - (iv) Klinik Kesihatan Sungai Acheh
 - (v) Klinik Kesihatan Sungai Bakap
 - (vi) Klinik Kesihatan Valdor
- (a) Jumlah tenaga perubatan, pengurusan dan sokongan di setiap Klinik Kesihatan di Seberang Perai Selatan adalah seperti berikut:

(i) Klinik Kesihatan Bandar Tasek Mutiara

Bil.	Kategori	Bilangan
1.	Pakar/Pegawai Perubatan	18
2.	Paramedik (Jururawat & Penolong Pegawai Perubatan/Auksiliari)	56
3.	Sokongan	17
	Jumlah keseluruhan	91

(ii) Klinik Kesihatan Bukit Panchor

Bil.	Kategori	Bilangan
1.	Pakar/Pegawai Perubatan	11
2.	Paramedik (Jururawat & Penolong Pegawai Perubatan/Auksiliari)	37
3.	Sokongan	9
	Jumlah keseluruhan	57

(iii) Klinik Kesihatan Nibong Tebal

Bil.	Kategori	Bilangan
1.	Pakar/Pegawai Perubatan	10
2.	Paramedik (Jururawat & Penolong Pegawai Perubatan/Auksiliari)	37
3.	Sokongan	16
	Jumlah keseluruhan	63

(iv) Klinik Kesihatan Sungai Acheh

Bil.	Kategori	Bilangan
1.	Pakar/Pegawai Perubatan	8
2.	Paramedik (Jururawat & Penolong Pegawai Perubatan/Auksiliari)	32
3.	Sokongan	10
	Jumlah keseluruhan	50

(v) Klinik Kesihatan Sungai Bakap

Bil.	Kategori	Bilangan
1.	Pakar/Pegawai Perubatan	14
2.	Paramedik (Jururawat & Penolong Pegawai Perubatan/Auksiliari)	33
3.	Sokongan	20
	Jumlah keseluruhan	67

(vi) Klinik Kesihatan Valdor

Bil.	Kategori	Bilangan
1.	Pakar/Pegawai Perubatan	5
2.	Paramedik (Jururawat & Penolong Pegawai Perubatan/Auksiliari)	10
3.	Sokongan	-
	Jumlah keseluruhan	15

- (b) Projek Klinik Kesihatan Bandar Tasek Mutiara (KKBTM) telah diberikan kepada Marimas Sdn. Bhd. (kontraktor baharu). Tarikh siap projek tersebut adalah 12.9.2026 dan peratus kemajuan semasa projek adalah 10%.

- (c) Permohonan lesen baharu Hospital Columbia Asia yang terletak di Batu Kawan, Pulau Pinang adalah diproses sepenuhnya oleh Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Ibu Pejabat, Kementerian Kesihatan Malaysia (CKAPS IP KKM). Pihak hospital swasta tersebut telah menghantar Borang 3 iaitu permohonan untuk mengendalikan sebuah hospital swasta dan pihak CKAPS IP KKM telah menerima permohonan tersebut pada 24 April 2025.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

17. Huraikan penyata kewangan tahun 2024 bagi Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP).
- a) Huraikan status *Request for Proposal* (RFP) untuk Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan.
 - (b) Huraikan status penaiktarafan Kompleks Sony.
 - (c) Apakah perancangan pembangunan atau pengurusan kemudahan baharu oleh Perbadanan?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Penyata Kewangan Tahun 2024 Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) masih dalam proses, manakala Penyata Kewangan Tahun 2023 pula masih dalam tindakan pengauditan.
- (a) Tender *Request for Proposal* (RFP) Cadangan Pembangunan *Sport City*, Batu Kawan, di Sebahagian Lot 274 (Lot Lama 282) (Plot 1), Mukim 13, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang telah diiklankan pada 25 Oktober 2024 dan tarikh tutup pada 7 April 2025.

Pada 7 April 2025, Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) telah menerima dua (2) cadangan daripada pembida yang berminat. PSDKLPP dalam proses penilaian dokumen yang telah dikemukakan oleh pihak pembida.

- (b) Majlis Menandatangani Perjanjian bagi Projek Pembangunan *Request For Proposal* (RFP) Cadangan Pembangunan Kompleks Sukan Dan Rekreasi Sony, Seberang Jaya telah diadakan 27 Februari 2025 dan diikuti oleh Majlis Pecah Tanah pada 2 Mac 2025.

Status terkini bagi pihak pembida yang berjaya dalam proses menjalankan kerja pembersihan tapak dan memasang "*hoarding*". Pihak arkitek pembida yang berjaya sedang dalam proses penyediaan pelan dan dijangka akan dihantar kepada pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada bulan Mei 2025.

- (c) Buat masa ini, pihak pengurusan PSDKLPP tiada perancangan untuk pembangunan dan pengurusan kemudahan baharu atas faktor kekangan peruntukan bagi pengurusan operasi harian serta pembangunan. Namun begitu, pihak pengurusan PSDKLPP giat dalam usaha memperbaiki kemudahan di bawah pengurusan secara *in house* bagi menjamin kualiti fasiliti yang ditawarkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

18. Huraikan penyata kewangan CMI bagi tahun 2024.
- (a) Senaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh CMI sepanjang tahun 2024.
 - (b) Apakah perancangan CMI bagi tahun 2025?
 - (c) Huraikan penyata kewangan Penang FC bagi tahun 2024.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

18. Perbadanan Ketua Menteri (CMI) tidak mempunyai penyata kewangan tersendiri. Buat masa ini, perbelanjaan bagi pengoperasian adalah menerusi Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri manakala kutipan hasil adalah menerusi akaun Bendahari Negeri Pulau Pinang. Bagi tahun 2024, jumlah perbelanjaan pengoperasian adalah RM4,284,135.17 dan jumlah kutipan hasil adalah RM6,409,632.25.
- (a) Projek-projek yang telah dilaksanakan oleh CMI sepanjang tahun 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (b) Perancangan CMI bagi tahun 2025 dari segi pelaksanaan projek adalah seperti berikut:
 - (i) Pelaksanaan projek Gurney Bay Fasa 2, Fasa 3 dan penambahan komponen komersial;
 - (ii) Pengoperasian Galeri Arkeologi Guar Kepah;

- (iii) Pelaksanaan projek Perumahan di atas tanah CMI dan SSI seperti Grace Harmony, Sandiland Foreshore, Hamna dan lain-lain;
- (iv) Pemantauan projek Pembangunan Bercampur di Lot 642 Bandar Gelugor;
- (v) Pelaksanaan projek Pembangunan Semula Kompleks Astaka Bayu Senja;
- (vi) Pelaksanaan projek Pembangunan Semula Hotel Crag;
- (vii) Pelaksanaan Penjualan Tanah Plot A & B di Persiaran Gurney;
- (viii) Pelaksanaan projek Fasa 2 Taman Kalidonia Indah;
- (ix) Perancangan untuk penyeragaman antara Anak Syarikat Kerajaan Negeri di bawah CMI;
- (x) Pengoperasian tapak warisan Kota Cornwallis dan Astaka Kota Selera;
- (xi) Pemantauan projek Pembangunan semula akuakultur dan agro pelancongan;
- (xii) Projek Pembanguan Badminton Akademi Di DTL, Pulau Pinang;
- (xiii) Projek Pembangunan Hab Education City Di Lot 10317, Jalan Pondok Upeh, Balik Pulau;
- (xiv) Pelaksanaan projek feri ikonik sebagai produk pelancongan;
- (xv) Pelaksanaan projek Penang Bay;
- (xvi) Pelaksanaan projek tambakan tanah untuk penjanaaan hasil kepada Kerajaan Negeri;

- (xvii) Pembangunan strategik di atas tanah-tanah yang berpotensi untuk penjanaaan hasil kepada Kerajaan Negeri; dan
 - (xviii) Perancangan untuk mengadakan lebih banyak usahasama untuk mencari hasil baharu kepada Kerajaan Negeri melalui aset sedia ada (tanah dan bangunan) yang diberi milik kepada CMI.
- (c) Penyata kewangan Penang FC bagi tahun 2024 dan perincian adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

LAMPIRAN A**SENARAI PROJEK YANG TELAH DILAKSANAKAN OLEH
PERBADANAN KETUA MENTERI (CMI) SEPANJANG TAHUN 2024**

BIL.	PROJEK PEMBANGUNAN
1.	Projek Pembangunan Gurney Bay
2.	Penyediaan Pelan Induk Penang Bay
3.	Projek Penempatan Semula Sekolah, Kuil Dan Rumah Ladang Byram Di SPS, Pulau Pinang
4.	Projek Pembinaan Bangunan Pusat Arkeologi Guar Kepah Di SPU, Pulau Pinang
5.	Projek Pembangunan Semula Astaka Bayu Senja Di DTL, Pulau Pinang
6.	Projek Pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM) C3 Sandiland Foreshore
7.	Projek Pembangunan 205-Unit Rumah Mampu Milik (RMM) C3 Di Atas PT 4114, Mukim 13, DTL (Patsifit Construction)
8.	Projek Pembangunan Perumahan Grace Harmony Di Bandar Jelutong, DTL, Pulau Pinang
9.	Projek Pembangunan Taman Kalidonia Indah Fasa 2 Di SPS, Pulau Pinang
10.	Projek Penyediaan Semula Dan Konservasi Parit Kubu (Moat) Serta Pembangunan Semula Astaka Kota Selera (Pusat Penjaja), Kota Cornwallis, George Town Pulau Pinang
11.	Projek Pembangunan Hotel Crag, Bukit Bendera, Pulau Pinang
12.	Projek Penyediaan Semula Parit Kubu (Bahagian Selatan) Kota Cornwallis, George Town, Pulau Pinang
13.	Projek Pembangunan Satu (1) Unit Feri Pulau Angsa Untuk Dijadikan Produk Pelancongan melalui RFP
14.	Projek Naiktaraf Linear Garden, George Town, Pulau Pinang
15.	Projek Pembangunan Bercampur di atas Tanah Kerajaan Negeri, Lot 642, Bandar Gelugor
16.	Projek Pembangunan Gelanggang Bola Sepak dan Sea Sport Centre bersama Stonyhurst International School
17.	Projek Pembangunan Perumahan di atas Lot 9117 dan 20113, Sungai Dua, DTL bersama Hamna Sdn. Bhd.
18.	Pengurusan Perpustakaan Digital Pulau Pinang Fasa 1, Fasa 2, Butterworth Digital Library dan Batu Maung Digital Library.
19.	Pengurusan Wisma Yeap Chor Ee

LAMPIRAN B**PENYATA KEWANGAN PENANG FC SDN. BHD. BAGI TAHUN 2024****SCHEDULE OF INCOME AND DIRECT OPERATING COSTS
FOR THE YEAR ENDED DECEMBER 31, 2024**

		2024	2023
	Note	RM	RM
Income			
Portion of grant utilised	12	9,737,164	12,165,246
Loan of player		669,672	112,012
Sponsorship		511,268	1,929,900
Ticketing		435,875	984,083
Merchandise sale		60	44,479
		<u>11,354,039</u>	<u>15,235,720</u>
Other incomes:			
- Others		39,868	9,755
- Advertisement		10,000	200,000
- Rental		6,250	10,600
- Interest		1,607	2,070
		<u>11,411,764</u>	<u>15,458,145</u>
Direct Operating Cost		35,424	
Merchandise Supplies			
Inventories at beginning of year			36,787
Purchases		(34,940)	45,200
Discount received			(6,000)
Inventories at end of year			<u>(35,424)</u>
		<u>484</u>	<u>40,563</u>
Direct Cost			
Salaries and wages:			
- Player		5,566,415	7,736,012
- Coach		1,269,960	1,668,215
- Officer		285,910	351,463
Amount carried forward		7,122,285	9,755,690

PENANG FC SDN. BHD.
202001029050 (1385370-U)

	<u>2024</u>	<u>2023</u>
	RM	RM
Amount brought forward	7,122,285	9,755,690
Employees' provident fund (Employer):		
- Player	561,786	676,195
- Coach	155,339	185,226
- Officer	37,173	45,693
Operation cost	454,130	635,805
Travel:		
- Travel local - air fare / bus	199,791	234,066
- Travel local - accommodation	165,496	318,195
- Travel oversea - air fare / bus	88,285	210,275
- Travel local - petrol / toll / etc	13,627	16,142
Monthly tax deduction (PCB) (Borne by employer):		
- Player	164,665	436,448
Coach	56,115	-
Insurance	154,823	285,251
License fee	126,996	122,265
Agent fee	65,000	193,000
Social security contribution (Employer):		
- Player	46,933	62,656
- Coach	13,632	17,367
- Officer	4,920	6,023
Human Resource Development Fund:		
Player	45,841	54,845
Coach	12,700	16,407
- Officer	2,859	3,528
Winner incentive	10,000	16,500
Employment insurance system (Employer):		
Player	4,788	6,336
- Coach	1,552	1,834
- Officer	562	688
	<u>9,509,298</u>	<u>13,300,435</u>
	<u><u>9,509,782</u></u>	<u><u>13,340,998</u></u>

...9(b)/-

PENANG FC SDN. BHD.
202001029050 (1385370-U)

	2024	2023
	RM	RM
Administration Cost		
Club staff - salaries and wages	752,555	426,938
Foods and drinks	308,695	368,657
Water and electricity	199,510	360,835
Rental of:		
- Stadium	123,334	173,890
- House and office	54,901	117,973
- Motor vehicle	24,000	30,000
Medical fee:		
- Other	118,033	105,313
Covid 19 test	7,000	-
Employees' provident fund - employer	56,670	48,266
General expenses	34,822	25,395
Entertainment:		
- Others	31,603	131,942
- Employee	248	1,280
- Client		3,827
- Supplier		200
Depreciation of property, plant and equipment	24,045	22,780
Uniform and jersey	20,748	13,585
Penalty and charges	19,937	45,989
Cleaning and maintenance	18,126	33,256
Laundry fee	12,540	13,536
Directors' meeting allowance	8,300	16,400
Legal and professional fee	6,875	12,880
Social security contribution - employer	6,706	5,153
Telephone and fax	6,340	7,331
Audit fee	6,000	6,000
Accounting and tax fee	5,249	4,305
Donation	5,000	-
Printing and stationery	4,882	8,781
Staff welfare	4,218	35,866
Human resource development fund	4,189	3,812
Amount carried forward	1,864,526	2,024,190

PENANG FC SDN.
202001029050(1385370-U)

	2024	2023
	RM	RM
Amount brought forward	1,864,526	2,024,190
License fee	2,376	13,796
Advertisement	2,300	37,500
Repair and maintenance	1,655	17,482
Disbursement for:		
- Audit fee	1,571	1,314
- Accounting and tax fee	248	159
Secretarial fee		2,394
Secretarial fee	1,428	9,034
Withholding tax	1,300	3,860
Stamping fee	780	1,268
Transportation	696	2,517
Employment insurance system - employer	661	532
Upkeep of motor vehicle	510	2,984
Website fee	499	-
Bank charges	330	505
Postage	309	119
Quarantine cost	86	-
Travel local - accommodation		240
Internship allowance		1,500
Training and course fee	(10,348)	
	1,868,927	2,119,394
Other Cost		
Allowance for doubtful debt	32,500	

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

19. Huraikan Projek Rumah Pam Taman Merak Jaya oleh MBSP.
- (a) Mengapakah banjir kilat masih berlaku dua kali selepas pengoperasian pam ini?
 - (b) Apakah tindakan untuk menangani isu ini?
 - (c) Apakah perancangan untuk menaik taraf kedua-dua kolam takungan bersebelahan pam ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Projek Rumah Pam Taman Merak Jaya yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) **telah siap sepenuhnya dan mula beroperasi pada bulan Ogos 2024**. Projek ini melibatkan kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan dan pembinaan rumah pam berskala kecil.
- (a) Rekod hujan yang dicatatkan oleh MBSP pada tahun 2024 adalah sebanyak lapan (8) kali selepas pengoperasian rumah pam ini. Daripada jumlah tersebut terdapat dua (2) kes banjir kilat yang dilaporkan berlaku selepas pengoperasian rumah pam ini. Situasi ini berlaku **disebabkan kadar hujan yang melebihi spesifikasi reka bentuk projek ini iaitu melebihi maksimum *Average Recurrence Interval (ARI) 20* sahaja**.
 - (b) Bagi menangani isu ini, pihak MBSP telah mengambil tindakan dengan **menjalankan kerja-kerja penyenggaraan kolam**

takungan berhampiran rumah pam tersebut yang dijangka bermula pada bulan Mei 2025.

- (c) Buat masa ini, MBSP **tiada perancangan** untuk menaik taraf kedua-dua kolam takungan bersebelahan rumah pam tersebut. Walau bagaimanapun, kerja-kerja endapan dijangka bermula pada bulan Mei 2025 yang bertujuan untuk meningkatkan kapasiti kolam takungan tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

20. Perincikan larangan kenderaan berat di sebahagian Jalan Bukit Tambun dan Jalan Paboi pada waktu puncak.
- (a) Huraikan keberkesanan dan kepincangan larangan ini.
 - (b) Apakah status permohonan untuk menaik taraf pusingan U di Jalan Bukit?
 - (c) Adakah JKR mempunyai perancangan untuk menaik taraf persimpangan Taman Tambun Indah?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Perincian larangan kenderaan berat di sebahagian Jalan Bukit Tambun dan Jalan Paboi pada waktu puncak adalah seperti berikut:-

No. Laluan	Laluan	Masa Larangan
149	Jalan Bukit Tambun, Seberang Perai Selatan	Isnin hingga Jumaat (Kecuali hari kelepasan am) Pagi : 6.30 pagi hingga 8.30 pagi Petang : 5.00 petang hingga 7.00 malam
150	Jalan Pa Thau- Pa Boi, Seberang Perai Selatan	Isnin hingga Jumaat (Kecuali hari kelepasan am) Pagi : 6.30 pagi hingga 8.30 pagi Petang : 5.00 petang hingga 7.00 malam

Cadangan ini telah diwartakan melalui P.U. (A) 142 pada 29 Mac 2021 dan berkuatkuasa pada 31 Mac 2021. Selaras dengan pewartaan larangan kenderaan berat yang diluluskan, larangan kenderaan berat pada waktu puncak adalah seperti berikut:-

Had larangan muatan	5,000 kilogram (BTM) atau 5 Tan (BTM) ke atas (Selain daripada kepunyaan kerajaan atau badan-badan berkanun)
Jenis larangan	Laluan 149, Jalan Bukit Tambun, Seberang Perai Selatan dari koordinat U 5.275247, T 100.461872 hingga U 5.274323, T 100.454233 dan Laluan 150, Jalan Pa Thau – Pa Boi, Seberang Perai Selatan dari koordinat U 5.275247, T 100.461872 hingga U 5.274323, T 100.454233
Hari	(Isnin hingga Jumaat kecuali Sabtu, Ahad dan hari kelepasan am)
Waktu larangan	Pagi : 6.30 pagi hingga 8.30 pagi Petang : 5.00 petang hingga 7.00 malam

Larangan ini bertujuan untuk:

- (i) Melancarkan aliran trafik pada waktu puncak;
 - (ii) Meningkatkan keselamatan jalan raya, terutamanya kepada pelajar sekolah dan penunggang motosikal;
 - (iii) Mengurangkan risiko kemalangan yang melibatkan kenderaan berat di kawasan tumpuan orang awam; dan
 - (iv) Tarikh pelaksanaan larangan kenderaan berat melebihi lima (5) tan (selain daripada kepunyaan kerajaan atau badan-badan berkanun) adalah mulai 3 Februari 2025.
- (a) Keberkesanan larangan ini dapat dilihat melalui pengurangan kesesakan lalu lintas pada waktu puncak, khususnya di kawasan perumahan dan waktu persekolahan. Larangan ini juga sekaligus dapat meningkatkan tahap keselamatan pengguna atas jalan raya.

Selanjutnya, kepincangan larangan ini telah mendapat bantahan daripada pihak industri, khususnya melibatkan bas kilang yang membawa pekerja dari asrama berhampiran ke kawasan perindustrian. Penggunaan laluan alternatif turut memanjangkan jarak perjalanan, sekali gus menyebabkan kelewatan ketibaan pekerja di tempat kerja.

- (b) Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) telah mengangkat permohonan bagi menaik taraf Jalan FT 149 Jalan Bukit Tambun di dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) *Rolling Plan 1*.
- (c) JKRPP sememangnya mempunyai perancangan untuk menaik taraf persimpangan Taman Tambun Indah. Berikutan itu, JKRPP telah mengangkat permohonan bagi menaik taraf Jalan FT 149 Jalan Bukit Tambun di dalam RMK-13 *Rolling Plan 1*.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

21. Senaraikan lokasi dan keluasan Hutan Simpanan yang diwartakan.
- (a) Huraikan aktiviti akuakultur di Hutan Simpanan Paya Bakau.
 - (b) Huraikan pemilikan tanah di Pulau Kendi dan Pulau Gedung.
 - (c) Apakah perancangan tanah-tanah milik Kerajaan Negeri di Pulau Kendi dan Pulau Gedung?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Lokasi dan keluasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Pulau Pinang yang diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Tiada sebarang aktiviti akuakultur dijalankan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) Hutan Paya Laut di Pulau Pinang.
 - (b) Tanah di Pulau Kendi dimiliki oleh Kerajaan Negeri. Manakala, terdapat 8 plot tanah milik persendirian di Pulau Gedung melibatkan keluasan lebih kurang 10.947 hektar dan selebihnya adalah tanah Kerajaan.
 - (c) Secara amnya, sebarang tanah milik Kerajaan Negeri boleh dipertimbangkan untuk diluluskan pemberimilikan kepada pemohon sekiranya terdapat cadangan pembangunan yang bersesuaian dan mematuhi dasar semasa Kerajaan Negeri.

Lokasi dan keluasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Pulau Pinang yang diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984

Bil	Daerah	HSK	Luas (ha)
1	Timur Laut	HS Penara Bukit	94.99
2		HS Bukit Kerajaan	2,287.91
3		HS Highlands	91.54
4		HS Pulau Jerejak A	209.74
5		HS Pulau Jerejak B	76.10
6	Barat Daya	HS Bukit Relau	67.56
7		HS Bukit Genting	9.09
8		HS Bukit Gemuroh	51.66
9		HS Pasir Panjang	32.77
10		HS Laksamana	226.28
11		HS Telok Bahang	830.20
12		HS Pantai Acheh	73.05
13		HS Balik Pulau	166.38
14		HS Pulau Betong	1.2251
15		Tanjung Gemuruh	44.24
16		Sungai Pinang (Plot 1)	3.85
17		Sungai Pinang (Plot 2)	195.94
18		Sungai Rusa (Plot 2)	5.27
19		Sungai Rusa (Plot 3)	196.66
20	Seberang Perai Tengah/Utara	HS Bukit Seraya	45.11
21		HS Bukit Mertajam	312.95
22		HS Bukit Juru	150.18
23		HS Air Hitam Dalam	22.085
24		HS Pasir Gebu, Penaga	127.585
25		HS Lahar Endin, Penaga	129.107
26		HS Kuala Bekah, Penaga	69.798
27		HS Juru	22.561

Bil	Daerah	HSK	Luas (ha)
28	Seberang	HS Bukit Panchor	446.60
29	Perai Selatan	HS Byram	214.66
30		HS Sungai Udang	55.3642
31		HS Sungai Chenaam	248.755
Jumlah			6509.21 ha

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

22. Huraikan jumlah penduduk bekerja dan penduduk menganggur di Pulau Pinang.
- (a) Huraikan kadar pertumbuhan gaji sektor formal di Pulau Pinang.
 - (b) Huraikan kekosongan jawatan mengikut sektor di Pulau Pinang pada tahun 2024.

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Di Pulau Pinang, jumlah penduduk bekerja melibatkan individu berumur 15 tahun ke atas yang terlibat dalam pelbagai aktiviti ekonomi, terutamanya dalam sektor pembuatan, pelancongan, perkhidmatan dan pembinaan. Pada umumnya, jumlah penduduk bekerja di Pulau Pinang adalah sekitar 900,000 hingga 1.0 juta orang, bergantung kepada keadaan ekonomi semasa. Di samping itu, kadar pengangguran di Pulau Pinang adalah agak rendah berbanding purata kebangsaan, sekitar 3.0% hingga 4.0%. Berdasarkan statistik, terdapat sekitar 30,000 hingga 40,000 individu yang menganggur, terutamanya mereka yang baru tamat pengajian dan individu yang terjejas akibat perubahan dalam sektor pekerjaan. Faktor-faktor seperti pertumbuhan sektor teknologi dan pelancongan telah membantu mengurangkan kadar pengangguran ini.
- (a) Kadar pertumbuhan gaji dalam sektor formal di Pulau Pinang menunjukkan peningkatan yang positif dalam beberapa tahun kebelakangan ini terutamanya dalam industri berteknologi

tinggi seperti elektronik dan perkhidmatan sokongan global. Secara purata, kadar pertumbuhan gaji sektor formal berada dalam lingkungan 4.0% hingga 6.0% setahun dengan sektor-sektor tertentu seperti pembuatan dan teknologi tinggi mencatatkan kadar yang lebih tinggi. Pertumbuhan ini dipacu oleh Pelaburan Langsung Asing (FDI), permintaan yang tinggi untuk tenaga kerja mahir dan usaha Kerajaan Negeri dalam menarik pelaburan bernilai tinggi. Walaupun terdapat kenaikan gaji, jurang gaji antara sektor formal dan tidak formal serta antara pekerja berkemahiran tinggi dan rendah masih wujud, menjadi cabaran yang perlu ditangani untuk mengurangkan ketidaksamaan pendapatan.

- (b) Berdasarkan statistik Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) tahun 2024 merekodkan jumlah kekosongan jawatan yang diiklankan dalam Portal *MYFutureJobs* adalah sebanyak 1,526,128 kekosongan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 102,360 kekosongan jawatan yang diiklankan adalah sektor pekerjaan yang berada di Negeri Pulau Pinang. Sektor Pembuatan menawarkan peluang pekerjaan yang tertinggi pada tahun tersebut iaitu sebanyak 31,512 kekosongan jawatan atau 31%, diikuti Sektor Maklumat dan Telekomunikasi dengan jumlah peluang pekerjaan sebanyak 18,408, manakala Sektor Perdagangan Borong dan Runcit direkodkan ketiga tertinggi dengan menawarkan sebanyak 8,424 peluang pekerjaan. Perincian kekosongan jawatan di Negeri Pulau Pinang mengikut sektor/industri adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**Senarai Kekosongan Jawatan Di Negeri Pulau Pinang Mengikut
Sektor/Industri Pada Tahun 2024**

Kategori Industri	Jumlah Kekosongan Jawatan	Peratus Kekosongan Jawatan (%)
<i>Manufacturing</i>	31,512	31.79
<i>Construction</i>	4,905	4.79
<i>Administrative & Support Service</i>	8,412	8.22
<i>Wholesale & Retail</i>	8,424	8.23
<i>Accommodation and F&B</i>	6,664	6.51
<i>ICT</i>	18,408	17.98
<i>Financial & Insurance Takaful</i>	2,594	2.53
<i>Professional & Technical</i>	5,079	4.96
<i>Agriculture, Forestry & Fishing</i>	375	0.37
<i>Other Services</i>	1,067	1.04
<i>Human Health & Social Work</i>	4,230	4.13
<i>Transportation</i>	6,445	6.30
<i>Education</i>	1,861	1.82
<i>Mining & Quarrying</i>	3	0.00
<i>Water, Sewerage & Waste</i>	545	0.53
<i>Arts, Entertainment & Recreation</i>	165	0.16
<i>Real Estate</i>	217	0.21
<i>Electricity, Gas, Steam & Air Conditioning Supply</i>	366	0.36

LAMPIRAN A

Kategori Industri	Jumlah Kekosongan Jawatan	Peratus Kekosongan Jawatan (%)
<i>Defence Compulsory Social Security</i>	998	0.98
<i>Activities of Households</i>	20	0.02
<i>Activities of Extraterritorial</i>	70	0.07
Jumlah Keseluruhan	102,360	100%

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

23. Sejauh manakah bantuan-bantuan dana Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan boleh meningkatkan pembangunan usahawan wanita?
- (a) Perincikan Program Mentor Usahawan Wanita Pulau Pinang oleh PWDC.
 - (b) Huraikan pencapaian Program Wanita Jana Rezeki oleh PWDC.
 - (c) Huraikan kerjasama antara PWDC dengan pihak swasta dalam meningkatkan keusahawanan wanita.

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Dana Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan mempunyai potensi yang besar untuk mempercepatkan dan meningkatkan pembangunan usahawan wanita dengan objektif seperti berikut:
- (i) Menyediakan akses untuk modal permulaan dan pengembangan melalui geran atau pinjaman dengan kadar faedah rendah, dapat mengatasi halangan utama usahawan wanita yang kekurangan modal.
 - (ii) Mendorong inovasi dan daya saing supaya lebih berani untuk mencuba idea-idea baru, melabur dalam teknologi, dan meningkatkan kualiti produk atau perkhidmatan mereka, seterusnya meningkatkan daya saing perniagaan mereka.

- (iii) Mewujudkan peluang pekerjaan apabila perniagaan mereka berjaya, bukan sahaja kepada golongan wanita, bahkan masyarakat secara amnya.
- (iv) Memperkasakan ekonomi wanita demi mengurangkan jurang gender dalam bidang keusahawanan yang akan meningkatkan sumbangan wanita kepada ekonomi negara.
- (a) Penang Women Entrepreneurs Mentoring Program (PWEMP atau sekarang dikenali sebagai PenMentor, dijalankan sejak tahun 2020 merupakan sebuah platform untuk membantu usahawan wanita baharu atau yang ingin mengembangkan perniagaan. Program ini menyediakan mentor-mentor yang berpengalaman untuk memberi bimbingan agar para peserta menjalankan atau mengembangkan perniagaan mereka lebih efektif. Ia juga merupakan satu peluang bagi para peserta membina rangkaian dengan usahawan-usahawan wanita dari pelbagai sektor.

Seramai 338 peserta telah menamatkan program ini dengan jayanya. Secara purata, para peserta telah merekodkan peningkatan pendapatan sebanyak 30%, setelah menghadiri program PenMentor.

- (b) Program Wanita Jana Rezeki (WJR) yang dilaksanakan oleh PWDC merupakan satu inisiatif strategik yang menyasarkan pemerksaan ekonomi wanita di peringkat akar umbi. Program ini telah melalui tiga fasa penambahbaikan utama sejak diperkenalkan, menunjukkan impak yang positif serta peningkatan dari segi skop dan hasil pelaksanaannya. Antara pencapaian program ini adalah seperti fasa-fasa berikut:

Fasa 1: Tahun 2020 – 2022

Pada fasa pertama, tumpuan diberikan kepada pemberian bantuan kewangan berskala kecil kepada usahawan wanita yang menjalankan perniagaan makanan dan perkhidmatan seperti menjahit secara kecil-kecilan.

Seramai 29 pengusaha wanita menerima bantuan kewangan sebanyak RM1,000 setiap seorang. Kesemua 29 pengusaha masih aktif menjalankan perniagaan mereka hingga kini.

Fasa 2: Tahun 2023

Penambahbaikan program melibatkan pelaksanaan kursus kemahiran bagi memperkukuh pengetahuan dan kemahiran usahawan wanita. Antara kursus yang ditawarkan ialah Pembangunan Produk Makanan dan Penjagaan Bayi & Ibu Selepas Bersalin.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh dan Kampus Bertam. Seramai 20 usahawan wanita telah mengikuti latihan ini, dan semua peserta masih aktif dengan perniagaan masing-masing.

Fasa 3: Tahun 2024

Pada fasa ketiga, program diperluaskan untuk memperkukuh kapasiti pemimpin komuniti wanita melalui Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK).

Latihan khusus dilaksanakan bagi melengkapkan pemimpin JPWK dengan kemahiran dan strategi pelaksanaan projek penjanaan pendapatan di peringkat komuniti. Dengan kerjasama Persatuan Lingkaran Harapan, bengkel pembinaan kapasiti telah dilaksanakan bersama 19 JPWK di bahagian pulau. Dana telah diperolehi melalui program PERANTIS oleh kerajaan pusat bagi menyokong pelaksanaan bengkel ini.

Setakat ini, 19 projek WJR di bawah JPWK sedang berada dalam fasa perancangan, dan 2 JPWK telah berjaya mendapat kelulusan Geran Sejati Madani bagi melaksanakan projek masing-masing.

- (c) Kerjasama strategik antara PWDC dan pihak swasta adalah amat penting dalam usaha memperkasa keusahawanan wanita dengan tujuan menggabungkan sumber, kepakaran, dan rangkaian daripada pelbagai pihak bagi mencapai impak yang lebih besar dan mampan.

Melalui Program PENMentor, PWDC secara konsisten menjalin kerjasama dengan usahawan berjaya dan pemimpin perniagaan daripada sektor swasta untuk bertindak sebagai mentor kepada usahawan wanita yang baru bertapak atau sedang berkembang. Pendekatan ini bukan sahaja memberi

inspirasi dan bimbingan langsung, malah membuka akses kepada jaringan profesional dan peluang perniagaan baharu.

Antara rakan strategik yang bekerjasama rapat dengan PWDC dalam pelaksanaan program keusahawanan termasuklah:

- (i) Digital Penang Sdn. Bhd.;
- (ii) IKRAM Pulau Pinang;
- (iii) JCI Pearl;
- (iv) NAWEM (Penang Chapter);
- (v) Penang Development Corporation (PDC);
- (vi) Penang Elite Womenpreneurs Association (PEWA);
- (vii) Penang Women Chamber of Commerce (PWCC);
- (viii) Persatuan Kebajikan Ibu Tunggal Pulau Pinang;
- (ix) Pertubuhan Pembangunan Wanita Tamarai Pulau Pinang;
- (x) Pertubuhan PRIHATIN Pulau Pinang;
- (xi) Shan Poornam Metals Sdn. Bhd.;
- (xii) Persatuan Usahawan Wanita Bumiputra Malaysia USAHANITA Pulau Pinang;
- (xiii) WomenBizSENSE (WBS); dan
- (xiv) Yayasan Kemajuan Sosial Malaysia (YKSM).

Melangkah ke hadapan, PWDC sedang merancang inisiatif baharu untuk bekerjasama dengan institusi kewangan swasta dan platform e-dagang. Antara bentuk sokongan yang dijangka termasuk program pinjaman mikro, geran dan akses kepada platform jualan dalam talian dengan syarat-syarat yang lebih mesra wanita.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

24. Huraikan status Projek Biogas Valdor.
- (a) Nyatakan jumlah ladang ternakan babi dan jumlah ternakan di Kampung Valdor dan Seberang Perai Selatan.
 - (b) Nyatakan isi padu kumbahan yang diangkut ke loji setiap bulan sejak beroperasi.
 - (c) Huraikan mekanisme kiraan bayaran oleh penternak kepada Timeless Green Sdn. Bhd.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Projek Biogas Valdor dalam status pengujian dan pentauliahan loji jana kuasa biogas najis babi. Pihak Timeless Green juga sedang bekerjasama dengan peladang - peladang di Kampung Valdor untuk menambah baik kualiti najis babi yang disalurkan ke loji jana kuasa biogas.
- (a) Jumlah ladang ternakan babi di kampung Valdor dan Seberang Perai Selatan adalah sebanyak 44 ladang dan jumlah babi adalah sebanyak 37,000 ekor.
 - (b) Isi padu kumbahan yang diangkut adalah lebih kurang 200 metrik tan sehari.

- (c) Mekanisme kiraan bayaran oleh penternak adalah bergantung kepada bilangan induk betina di ladang dan jarak dari loji biogas. Sebagai contoh, di Kampung Valdor, kadar bayaran adalah RM 8 per induk betina manakala di luar Kampung Valdor seperti di Seberang Perai Selatan, kadar bayaran meningkat antara RM 30 hingga RM 80 per induk betina.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

25. Nyatakan lokasi dan jumlah Pencawang Masuk Utama (PMU) dan Pencawang Pembahagian Utama (PPU) di Seberang Perai.
- (a) Huraikan perancangan untuk membina PMU dan PPU yang baharu di Seberang Perai.
- (b) Senaraikan semua pencawang elektrik di SPS.
- (c) Mengapakah pengusaha-pengusaha kilang di Batu Kawan dan Penang Science Park menghadapi masalah sambungan elektrik?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Lokasi dan jumlah Pencawang Masuk Utama (PPU) dan Pencawang Pembahagian Utama (PPU) di Seberang Perai adalah seperti di **JADUAL 1**.

JADUAL 1: LOKASI DAN JUMLAH PPU DAN PMU DI SEBERANG PERAI

BIL.	LOKASI	KOD KAWASAN	BILANGAN		JUMLAH
			PMU	PPU	
1	Bertam	BTM	1	9	10
2	Seberang Jaya	SJY	12	30	42
3	Nibong Tebal	NTL	7	7	14
JUMLAH			20	46	66

- (a) Perancangan pembinaan PMU dan PPU baharu oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Seberang Perai adalah seperti di **JADUAL 2**.

JADUAL 2: PERANCANGAN PEMBINAAN PMU DAN PPU DI SEBERANG PERAI

BIL.	NAMA PMU/PPU	KOD KAWASAN	SASARAN PENTAULIAHAN
1	T3 PMU Batu Kawan South	NTL	2025
2	PMU Bukit Tengah 2	SJY	2026
3	T3 PMU Bukit Tambun	NTL	2027
4	PMU Batu Kawan Industrial Park	NTL	2028
5	PMU Penang Technology Park	BTM	2029
6	PMU Penang Science Park	SJY	2029
7	PMU Perda	SJY	2031
8	PPU PTP No. 6	BTM	2025
9	PPU Tasek Gelugor	BTM	2027
10	PPU Halal Hub	SJY	2025
11	PPU Hospital Seberang Jaya	SJY	2027
12	PPU Bayu Aman	SJY	2027
13	PPU Juru	SJY	2026
14	PPU Mandarina	SJY	2026
15	PPU Penang Science Park 3	SJY	2027
16	PPU Taman Pauh	SJY	2027
17	PPU Lorong Perusahaan 1	SJY	2028
18	PPU Jalan Kilat	SJY	2028
19	PPU Penang Sentral	SJY	2028
20	PPU IKS Simpang Ampat	NTL	2025
21	PPU Hijauan Hill	NTL	2026
22	PPU Sg. Baong	NTL	2025
23	PPU Aspen Vision City	NTL	2027
24	PPU Bukit Panchor	NTL	2026
25	PPU Cassia Selatan	NTL	2027

- (b) Senarai PMU dan PPU di Seberang Perai Selatan adalah seperti di **JADUAL 3**.

JADUAL 3: SENARAI PMU DAN PPU DI SEBERANG PERAI SELATAN

BIL.	NAMA PMU/PPU
1	PMU Bukit Tambun 132/33
2	PMU Batu Kawan South 132/33
3	PMU Sungai Kecil 132/11
4	PMU Sungai Kecil 132/33
5	PMU Simpang Ampat East 132/33
6	PMU Valdor 132/11
7	PMU Nibong Tebal 132/11
8	PPU USM Transkrian GIS
9	PPU Batu Kawan Selatan
10	PPU Bukit Tambun 33/11
11	PPU Bandar Tasek Mutiara
12	PPU Dedaun GIS
13	PPU SME Batu Kawan GIS
14	PPU Mobile PPU Simpang Ampat

- (c) Kapasiti bekalan elektrik di kawasan Batu Kawan dan Penang Science Park adalah sebanyak 141MW (Megawatt) dan 81MW masing-masing. Pertumbuhan pesat sektor perindustrian di kawasan ini telah menyebabkan permintaan elektrik meningkat melebihi kapasiti yang tersedia. Selain itu, sesetengah kawasan mungkin mengalami gangguan bekalan sementara akibat kerja-kerja penyelenggaraan atau kerosakan teknikal yang tidak dijangka.

Walau bagaimanapun, berdasarkan unjuran beban dan beberapa projek pembinaan punca bekalan baru (PMU dan PPU) seperti projek menaik taraf PMU Batu Kawan South yang dijangka siap pada bulan Julai 2025 dan pembinaan PMU Batu Kawan Industrial Park pada tahun 2028, jumlah kapasiti akan bertambah sehingga 267MW pada tahun 2028. Ini akan memastikan kapasiti bekalan elektrik dapat memenuhi permintaan semasa.

TNB sentiasa bekerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan agensi-agensi berkaitan dalam

menyediakan infrastruktur bekaln elektrik di kawasan perindustrian di Pulau Pinang terutama di kawasan Batu Kawan dan Penang Science Park dalam usaha memastikan pembekalan elektrik yang berdaya harap kepada pengusaha-pengusaha kilang tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XIV)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

26. Senaraikan SMK, SMJK, SMKA, SK, SJKC dan SJKT berserta jumlah murid di Pulau Pinang.
- (a) Senaraikan sekolah antarabangsa, sekolah menengah Cina persendirian dan sekolah menengah agama swasta berserta bilangan murid.
 - (b) Senaraikan kolej vokasional, sekolah menengah teknik dan sekolah menengah sains dan kursus yang ditawarkan.
 - (c) Huraikan kolej komuniti di Pulau Pinang.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Senarai SMK, SMJK, SMKA, SK, SJKC dan SJKT berserta jumlah murid di Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Senarai sekolah antarabangsa, sekolah menengah Cina persendirian dan sekolah menengah agama swasta berserta bilangan murid adalah seperti berikut:-

(i) Sekolah Antarabangsa:

BIL	NAMA SEKOLAH	BILANGAN MURID
1	ST CHRISTOPHER'S INTERNATIONAL PRIMARY SCHOOL	613
2	STRAITS INTERNATIONAL SCHOOL PENANG	444
3	DALAT INTERNATIONAL SCHOOL	725
4	PELITA INTERNATIONAL SCHOOL	185
5	PRINCE OF WALES ISLAND INTERNATIONAL SCHOOL	435
6	TENBY INTERNATIONAL SCHOOL	591
7	THE INTERNATIONAL SCHOOL OF PENANG (UPLANDS)	672
8	FAIRVIEW INTERNATIONAL SCHOOL	149
9	WESLEY METHODIST SCHOOL PENANG (INTERNATIONAL)	893
10	XCL INTERNATIONAL SCHOOL	479
11	PRINCE OF WALES ISLAND INTERNATIONAL SCHOOL (KAMPUS TANJUNG BUNGAH)	507
12	STONYHURST INTERNATIONAL SCHOOL, PULAU PINANG	791
13	ASSUMPTION INTERNATIONAL SCHOOL	119

(ii) Sekolah Menengah Cina Persendirian

BIL	NAMA SEKOLAH	BILANGAN MURID
1	SMPC CHUNG LING	2,017
2	SMPC HAN CHIANG	2,200
3	SMPC PHOR TAY	190
4	SMPC PEREMPUAN CINA	260
5	SMPC JIT SIN	2,275

(iii) Sekolah Menengah Agama Swasta

BIL	NAMA SEKOLAH	BILANGAN MURID
1	SEK MEN ISLAM AL-IKRAM	120

- (b) Senarai kolej vokasional, sekolah menengah teknik dan sekolah menengah sains dan kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:-
- (i) Senarai Kolej Vokasional (KV) di Pulau Pinang bersama kursus yang ditawarkan:
- 1) Kolej Vokasional Balik Pulau menawarkan kursus Teknologi Elektrik, Teknologi Elektronik, Rekabentuk Grafik dan Media Cetak, Teknologi Sistem Pengurusan Pangkalan Data dan Aplikasi;
 - 2) Kolej Vokasional Seberang Perai menawarkan kursus Perakaunan, Teknologi Elektrik, Teknologi Elektronik, Teknologi Pembinaan, Teknologi Sistem Komputer dan Rangkaian;
 - 3) Kolej Vokasional Nibong Tebal menawarkan kursus Kesetiausahaan Pentadbiran, Pengurusan Perniagaan, Teknologi Automotif, Teknologi Elektrik, Teknologi Elektronik, Teknologi Kimpalan, Teknologi Pembinaan, Teknologi Pemesinan Industri, Teknologi Penyejukan & Penyamanan Udara;
 - 4) Kolej Vokasional Butterworth menawarkan kursus Pengurusan Perniagaan, Perakaunan, Teknologi Automotif, Teknologi Elektrik, Teknologi Elektronik, Teknologi Kimpalan, Teknologi Pemesinan Industri; dan
 - 5) Kolej Vokasional Batu Lanchang menawarkan kursus Pengurusan Perniagaan, Teknologi Automotif, Teknologi Elektrik, Teknologi Elektronik, Teknologi Kimpalan, Teknologi Pemesinan Industri
- (ii) Terdapat satu Sekolah Menengah Teknik (SMT) iaitu Sekolah Menengah Teknik Tunku Abdul Rahman Putra (SMT TAR Putra). Kursus yang ditawarkan adalah Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Kejuruteraan Mekanikal dan Perdagangan

(iii) Sekolah menengah sains di Pulau Pinang:

- 1) Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabudin menawarkan kursus Aliran Sains (Sains Tulen); dan
- 2) Sekolah Menengah Sains Kepala Batas menawarkan kursus Aliran Sains (Sains Tulen)

(c) Kolej Komuniti ialah institusi pendidikan tinggi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia yang ditubuhkan untuk menyediakan peluang pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional (TVET) kepada masyarakat setempat. Kolej Komuniti lebih menumpukan kepada pembangunan kemahiran praktikal dan teknikal untuk memenuhi keperluan industri tempatan dan juga memperkasakan komuniti dari segi ilmu dan kemahiran. Antara objektif penubuhan Kolej Komuniti di Pulau Pinang, pertama, memberi peluang pendidikan kepada lepasan sekolah, belia, pekerja industri dan masyarakat setempat. Kedua, menawarkan program latihan yang bersesuaian dengan keperluan pasaran kerja dan industri. Ketiga, menyediakan pendidikan yang bersifat inklusif, mudah diakses dan kos rendah. Keempat, membantu pembangunan komuniti melalui pendidikan sepanjang hayat.

Selain itu, di Pulau Pinang terdapat enam (6) buah Kolej Komuniti iaitu Kolej Komuniti Kepala Batas, Kolej Komuniti Nibong Tebal, Kolej Komuniti Bukit Mertajam, Kolej Komuniti Bayan Baru, Kolej Komuniti Tasek Gelugor, Kolej Komuniti Seberang Jaya yang menawarkan pelbagai kursus pengajian antaranya adalah seperti Kursus Animasi 2D, Kursus Servis Kenderaan Ringan, Kursus Kulineri, Kursus Pastris, Kursus Terapi Kecantikan dan Spa, Kursus Teknologi Penyejukan dan Penyaman Udara, Kursus Fesyen dan Pakaian dan sebagainya.

Justeru itu, Kolej Komuniti di Pulau Pinang juga merupakan satu platform penting dalam pembangunan modal insan di negeri ini. Hal ini kerana Kolej Komuniti ini dilihat dapat menawarkan latihan yang praktikal dan meningkatkan taraf hidup masyarakat di Pulau Pinang serta menyokong

pertumbuhan ekonomi negeri melalui penyediaan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

LAMPIRAN A

BIL	PPD	KODSEKOLAH	NAMA SEKOLAH	NO TELEFON	PERINGKAT	JENIS SEKOLAH	JENIS BANTUAN	PARLIMEN	DUN	ENROLMEN MURID
1	PPD BARAT DAYA	PBA1010	SEKOLAH KEBANGSAAN SG NIBONG	46424678	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BAYAN BARU	PANTAI JEREJAK	646
2	PPD BARAT DAYA	PBA3001	SEKOLAH KEBANGSAAN BATU MAUNG	46262970	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BAYAN BARU	BATU MAUNG	387
3	PPD BARAT DAYA	PBA3002	SEKOLAH KEBANGSAAN BAYAN LEPAS	46441149	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BALIK PULAU	BAYAN LEPAS	829
4	PPD BARAT DAYA	PBA3003	SEKOLAH KEBANGSAAN GENTING	48660830	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BALIK PULAU	PULAU BETONG	476
5	PPD BARAT DAYA	PBA3004	SEKOLAH KEBANGSAAN KONGSI	48660021	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BALIK PULAU	PULAU BETONG	531
6	PPD BARAT DAYA	PBA3005	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG DAMAR LAUT	46261531	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BAYAN BARU	BATU MAUNG	583
7	PPD BARAT DAYA	PBA3006	SEKOLAH KEBANGSAAN TAN SRI AWANG HAD SALLEH	48662329	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BALIK PULAU	PULAU BETONG	294
8	PPD BARAT DAYA	PBA3007	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI ARA	46439142	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BAYAN BARU	BATU MAUNG	1417
9	PPD BARAT DAYA	PBA3008	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI KOROK	48661564	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BALIK PULAU	TELOK BAHANG	404
10	PPD BARAT DAYA	PBA3009	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI PINANG	48662307	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BALIK PULAU	TELOK BAHANG	375
11	PPD BARAT DAYA	PBA3010	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI RUSA	48661004	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BALIK PULAU	TELOK BAHANG	403
12	PPD BARAT DAYA	PBA3011	SEKOLAH KEBANGSAAN TELOK BAHANG	48851231	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BALIK PULAU	TELOK BAHANG	520
13	PPD BARAT DAYA	PBA3012	SEKOLAH KEBANGSAAN TELOK KUMBAR	46491952	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BALIK PULAU	BAYAN LEPAS	681
14	PPD BARAT DAYA	PBA3013	SEKOLAH KEBANGSAAN TITI TERAS	48662310	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BALIK PULAU	PULAU BETONG	425
15	PPD BARAT DAYA	PBA3014	SEKOLAH KEBANGSAAN BAYAN BARU	46422996	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BAYAN BARU	PANTAI JEREJAK	802
16	PPD BARAT DAYA	PBA3015	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI RELAU	46425207	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BALIK PULAU	BAYAN LEPAS	870
17	PPD BARAT DAYA	PBA3016	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI BAYU	46491951	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BALIK PULAU	BAYAN LEPAS	903
18	PPD BARAT DAYA	PBA3017	SEKOLAH KEBANGSAAN MUTIARA PERDANA	46445500	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BALIK PULAU	BAYAN LEPAS	1068
19	PPD BARAT DAYA	PBA3018	SEKOLAH KEBANGSAAN BALIK PULAU	48660682	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BALIK PULAU	PULAU BETONG	824
20	PPD BARAT DAYA	PBA3019	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI BATU	46496795	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BALIK PULAU	BAYAN LEPAS	799
21	PPD BARAT DAYA	PBA3020	SEKOLAH KEBANGSAAN BAYAN LEPAS 2	46463039	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BALIK PULAU	BAYAN LEPAS	683
22	PPD BARAT DAYA	PBB3014	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI PERMAI	46433009	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BAYAN BARU	PANTAI JEREJAK	1395
23	PPD BARAT DAYA	PBC3017	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHIN HWA (PANTAI ACHEH)	48662327	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	BALIK PULAU	TELOK BAHANG	28
24	PPD BARAT DAYA	PBC3018	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) PULAU BETONG	48662068	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	BALIK PULAU	PULAU BETONG	43
25	PPD BARAT DAYA	PBC3019	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHONG CHENG	46432821	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	BALIK PULAU	BAYAN LEPAS	2047
26	PPD BARAT DAYA	PBC3020	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHONG TEIK	48668257	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	BALIK PULAU	PULAU BETONG	267
27	PPD BARAT DAYA	PBC3021	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHUNG SHAN	46436559	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	BAYAN BARU	BATU MAUNG	463
28	PPD BARAT DAYA	PBC3022	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) EOK HUA	48851482	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	BALIK PULAU	TELOK BAHANG	55
29	PPD BARAT DAYA	PBC3023	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) POI ENG	46493133	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	BALIK PULAU	BAYAN LEPAS	50
30	PPD BARAT DAYA	PBC3024	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) SACRED HEART	48668504	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	BALIK PULAU	PULAU BETONG	110
31	PPD BARAT DAYA	PBC3025	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) SIN MIN	48662311	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	BALIK PULAU	TELOK BAHANG	49
32	PPD BARAT DAYA	PBC3026	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) TAR THONG	48662195	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	BALIK PULAU	PULAU BETONG	70
33	PPD BARAT DAYA	PBC3027	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) WEN KHAI	46264087	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	BAYAN BARU	BATU MAUNG	384
34	PPD BARAT DAYA	PBC3028	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) YANG CHENG	46491233	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	BALIK PULAU	BAYAN LEPAS	126
35	PPD BARAT DAYA	PBC3029	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) YEOK HUA	48662309	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	BALIK PULAU	TELOK BAHANG	68
36	PPD BARAT DAYA	PBC3030	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) YU CHYE	48662360	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	BALIK PULAU	TELOK BAHANG	40
37	PPD BARAT DAYA	PBC3031	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) AIK HUA	46119325	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	BALIK PULAU	BAYAN LEPAS	222
38	PPD BARAT DAYA	PBD3031	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) BAYAN LEPAS	46415378	Rendah	SJK(T)	Sekolah Bantuan Kerajaan	BALIK PULAU	BAYAN LEPAS	102
39	PPD BARAT DAYA	PBD3032	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) SUNGAI ARA	46461326	Rendah	SJK(T)	Sekolah Bantuan Kerajaan	BAYAN BARU	BATU MAUNG	115
40	PPD BARAT DAYA	PEA1211	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TELOK KUMBAR	46491536	Menengah	SMK	Sekolah Kerajaan	BALIK PULAU	BAYAN LEPAS	841
41	PPD BARAT DAYA	PEA3033	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN RAJA TUN UDA	46432772	Menengah	SMK	Sekolah Kerajaan	BAYAN BARU	PANTAI JEREJAK	1502
42	PPD BARAT DAYA	PEA3034	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI BALIK PULAU	48668262	Menengah	SMK	Sekolah Kerajaan	BALIK PULAU	PULAU BETONG	1224
43	PPD BARAT DAYA	PEA3035	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BATU MAUNG	46266584	Menengah	SMK	Sekolah Kerajaan	BAYAN BARU	BATU MAUNG	650
44	PPD BARAT DAYA	PEA3036	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TELUK BAHANG	48814636	Menengah	SMK	Sekolah Kerajaan	BALIK PULAU	TELOK BAHANG	359
45	PPD BARAT DAYA	PEA3037	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI BAYU	46495144	Menengah	SMK	Sekolah Kerajaan	BALIK PULAU	BAYAN LEPAS	814
46	PPD BARAT DAYA	PEA3038	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PONDOK UPEH	48660217	Menengah	SMK	Sekolah Kerajaan	BALIK PULAU	PULAU BETONG	1074
47	PPD BARAT DAYA	PEA3039	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BAYAN LEPAS	46431068	Menengah	SMK	Sekolah Kerajaan	BALIK PULAU	BAYAN LEPAS	868
48	PPD BARAT DAYA	PEB3036	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SACRED HEART	48668217	Menengah	SMK	Sekolah Bantuan Kerajaan	BALIK PULAU	TELOK BAHANG	700
49	PPD BARAT DAYA	PEB3038	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI ARA	46434557	Menengah	SMK	Sekolah Kerajaan	BAYAN BARU	BATU MAUNG	1253
50	PPD BARAT DAYA	PFT3001	SMA MAAHAD AL MASHOOR AL ISLAMI	48661190	Menengah	SM Agama (SABK)	Sekolah Bantuan Kerajaan	BALIK PULAU	PULAU BETONG	573
51	PPD BARAT DAYA	PHA3001	KOLEJ VOKASIONAL BALIK PULAU	48666229	Menengah	Kolej Vokasional	Sekolah Kerajaan	BALIK PULAU	PULAU BETONG	1002
52	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2001	SEKOLAH KEBANGSAAN ARA RENDANG	45755229	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	TASEK GELUGOR	PERMATANG BERANGAN	663
53	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2002	SEKOLAH KEBANGSAAN BAGAN AJAM	43237332	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	TASEK GELUGOR	TELOK AYER TAWAR	488

BIL	PPD	KODSEKOLAH	NAMA SEKOLAH	NO TELEFON	PERINGKAT	JENIS SEKOLAH	JENIS BANTUAN	PARLIMEN	DUN	ENROLMEN MURID
54	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2003	SEKOLAH KEBANGSAAN BAGAN JERMAL	43321863	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BAGAN	BAGAN JERMAL	552
55	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2004	SEKOLAH KEBANGSAAN BAGAN TUAN KECIL	43326996	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BAGAN	BAGAN JERMAL	171
56	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2005	SEKOLAH KEBANGSAAN BUMBONG LIMA	45757964	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	KEPALA BATAS	PINANG TUNGGAL	286
57	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2006	SEKOLAH KEBANGSAAN MOHD SHAH	45731518	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	KEPALA BATAS	PINANG TUNGGAL	506
58	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2007	SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPONG TO'BEDOR	45736654	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	KEPALA BATAS	PINANG TUNGGAL	737
59	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2008	SEKOLAH KEBANGSAAN KUALA MUDA	45791991	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	KEPALA BATAS	PENAGA	300
60	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2009	SEKOLAH KEBANGSAAN KUALA PERAI	43231884	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BAGAN	BAGAN DALAM	259
61	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2011	SEKOLAH KEBANGSAAN LAHAR KEPAR	45758751	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	KEPALA BATAS	PENAGA	265
62	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2012	SEKOLAH KEBANGSAAN PADANG MENORA	45733376	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	TASEK GELUGOR	PERMATANG BERANGAN	525
63	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2013	SEKOLAH KEBANGSAAN PASIR GEBU	45791393	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	KEPALA BATAS	PENAGA	473
64	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2014	SEKOLAH KEBANGSAAN PAYA KELADI	45752431	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	KEPALA BATAS	PINANG TUNGGAL	774
65	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2015	SEKOLAH KEBANGSAAN PENAGA	45792889	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	KEPALA BATAS	PENAGA	732
66	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2016	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG BERTAM	45751973	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	KEPALA BATAS	BERTAM	553
67	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2017	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG BINJAI	43514030	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	TASEK GELUGOR	TELOK AYER TAWAR	200
68	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2018	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG BULOH	45753958	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	TASEK GELUGOR	SUNGAI DUA	450
69	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2019	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG JANGGUS	45761479	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	KEPALA BATAS	PENAGA	527
70	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2020	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG SINTOK	45753907	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	KEPALA BATAS	BERTAM	371
71	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2021	SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG TO'JAYA	43515373	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	TASEK GELUGOR	TELOK AYER TAWAR	563
72	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2022	SEKOLAH KEBANGSAAN PINANG TUNGGAL	45734000	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	KEPALA BATAS	PINANG TUNGGAL	819
73	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2023	SEKOLAH KEBANGSAAN PULAU MERTAJAM	45792989	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	KEPALA BATAS	PENAGA	246
74	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2024	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI DUA	43565297	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	TASEK GELUGOR	SUNGAI DUA	1035
75	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2025	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI PUYU	43238786	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BAGAN	SUNGAI PUYU	397
76	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2026	SEKOLAH KEBANGSAAN TASEK GELUGOR	45731232	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	TASEK GELUGOR	PERMATANG BERANGAN	695
77	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2027	SEKOLAH KEBANGSAAN TELOK AYER TAWAR	43512534	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	TASEK GELUGOR	TELOK AYER TAWAR	481
78	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2028	SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPUNG SELAMAT	45734900	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	KEPALA BATAS	PINANG TUNGGAL	758
79	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2029	SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN SENANGAN	43514299	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	TASEK GELUGOR	TELOK AYER TAWAR	715
80	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2030	SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI NYIOR	43236282	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BAGAN	BAGAN DALAM	94
81	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2031	SEKOLAH KEBANGSAAN LAHAR YOOI	43566737	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	TASEK GELUGOR	SUNGAI DUA	603
82	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2032	SEKOLAH KEBANGSAAN PENKALAN JAYA	45736774	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	TASEK GELUGOR	PERMATANG BERANGAN	1006
83	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2033	SEKOLAH KEBANGSAAN KEPALA BATAS	45756409	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	KEPALA BATAS	BERTAM	860
84	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2034	SEKOLAH KEBANGSAAN BERTAM INDAH	45791379	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	KEPALA BATAS	BERTAM	1053
85	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2035	SEKOLAH KEBANGSAAN POKOK SENJA	45735991	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	KEPALA BATAS	PINANG TUNGGAL	911
86	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2036	SEKOLAH KEBANGSAAN PENAGA JAYA	45793633	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	KEPALA BATAS	PENAGA	377
87	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2037	SEKOLAH KEBANGSAAN SERI GEMILANG	43511381	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	KEPALA BATAS	BERTAM	570
88	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2038	SEKOLAH KEBANGSAAN BERTAM PERDANA	45741644	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	KEPALA BATAS	PINANG TUNGGAL	1780
89	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2039	SEKOLAH KEBANGSAAN DESA MURNI	43562921	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	TASEK GELUGOR	SUNGAI DUA	892
90	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2040	SEKOLAH KEBANGSAAN BERTAM PUTRA	45770882	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	KEPALA BATAS	PINANG TUNGGAL	1260
91	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBA2041	SEKOLAH KEBANGSAAN POKOK TAMPANG	134027287	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	TASEK GELUGOR	PERMATANG BERANGAN	550
92	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBB2029	SEKOLAH KEBANGSAAN CONVENT 1	43330215	Rendah	SK	Sekolah Bantuan Kerajaan	BAGAN	BAGAN DALAM	390
93	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBB2031	SEKOLAH KEBANGSAAN HASHIM AWANG	45751145	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	KEPALA BATAS	BERTAM	644
94	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBB2032	SEKOLAH KEBANGSAAN ST MARK	43311881	Rendah	SK	Sekolah Bantuan Kerajaan	BAGAN	BAGAN JERMAL	209
95	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBB2075	SEKOLAH KEBANGSAAN MAK MANDIN	43238073	Rendah	SK	Sekolah Kerajaan	BAGAN	BAGAN JERMAL	271
96	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBC2032	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) MAK MANDIN	43311791	Rendah	SJK(C)	Sekolah Kerajaan	BAGAN	BAGAN JERMAL	513
97	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBC2033	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) AIK KEOW	43515003	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	KEPALA BATAS	PENAGA	49
98	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBC2034	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) AIK KEOW	43513455	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	TASEK GELUGOR	TELOK AYER TAWAR	179
99	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBC2035	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHIN HWA	45737530	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	KEPALA BATAS	PINANG TUNGGAL	84
100	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBC2036	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) PEI YU	45751051	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	KEPALA BATAS	BERTAM	434
101	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBC2037	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHUNG HWA PUSAT	43237419	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	BAGAN	BAGAN JERMAL	750
102	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBC2038	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHUNG HWA 1	43233637	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	BAGAN	BAGAN JERMAL	595
103	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBC2039	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHUNG HWA 2	43103671	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	BAGAN	BAGAN JERMAL	520
104	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBC2040	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) KAI CHEE	43565531	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	TASEK GELUGOR	SUNGAI DUA	580
105	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBC2041	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) KUANG YU	45793429	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	KEPALA BATAS	PENAGA	29
106	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBC2042	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) KWANG HWA	43334080	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	BAGAN	BAGAN JERMAL	968
107	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBC2043	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) LEE CHEE	45731033	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	TASEK GELUGOR	PERMATANG BERANGAN	167

BIL	PPD	KODSEKOLAH	NAMA SEKOLAH	NO TELEFON	PERINGKAT	JENIS SEKOLAH	JENIS BANTUAN	PARLIMEN	DUN	ENROLMEN MURID
108	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBC2044	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) LI HWA	43235470	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	TASEK GELUGOR	TELOK AYER TAWAR	1301
109	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBC2045	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) MAH HUA	45731902	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	KEPALA BATAS	PINANG TUNGGAL	282
110	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBC2046	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) NUNG MIN	45751946	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	KEPALA BATAS	PINANG TUNGGAL	51
111	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBC2047	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) SIN CHUNG	45756312	Rendah	SJK(C)	Sekolah Bantuan Kerajaan	KEPALA BATAS	BERTAM	105
112	PPD SEBERANG PERAI UTARA	PBD2048	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LDG MALAKOFF	45736454	Rendah	SJK(T)	Sekolah Bantuan Kerajaan	KEPALA BATAS	PINANG TUNGGAL	69
